

PARLIMEN KESEMBILAN
Ninth Parliament
PENGKAL KETIGA
Third Session
MESYUARAT KETIGA
Third Meeting

Jilid III

Bil. 35

Hari Rabu

17 Disember 1997

K A N D U N G A N

PENGUMUMAN TUAN YANG DI-PERTUA:

**Mesyuarat Dewan Negara - Tambahan Hari
(Ruangan)**

Perutusan Daripada Dewan Rakyat

(Ruangan

)

URUSAN MESYUARAT

(Ruangan

)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

(Ruangan)

USUL DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 13 (2)

(Ruangan

)

USUL:

**Sokongan Terhadap Kepimpinan Y.A.B. Dato' Seri Dr. Mahathir bin
Mohamad**

- Y.B. Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman

(Ruangan)

DN 17.12.97

2

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Kewangan (No. 2) 1997

(Ruangan)

**PARLIMEN KESEMBILAN
PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN NEGARA
Mesyuarat Kedua**

Penggal Yang Ketiga
AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Haji Mohamed bin Ya'acob, P.S.M., P.M.K., S.P.M.K., Dato' Bentara Kanan, S.M.T., P.G.D.K., D.A. (Dilantik)

- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Chong Kah Kiat, P.G.D.K., J.S.M., J.P. (Dilantik)
- “ Tuan Abdillah bin Abdul Rahim (Sarawak)
- “ Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman (Dilantik)
- “ Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Baba, P.B.M., B.K.T., J.P. (Melaka)
- “ Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail, A.M.P. (Perlis)
- “ Dato' Haji Ahmad bin Ismail (Pulau Pinang)
- “ Tuan Haji Bakri bin Haji Ali Mahamad, A.M.N., A.M.K., B.K.M. (Kedah)
- “ Datuk Michael Bong Thiam Joo, P.J.N., A.B.S., J.B.S. (Dilantik)
- “ Tuan Charern Intachat, A.M.N., B.C.K. (Dilantik)
- “ Dato' Chet Singh s/o Karam Singh (Pulau Pinang)
- “ Tuan Chin Kon Tow @ Chin Kong Too, A.M.N., B.K.T., J.P. (Melaka)
- “ Puan Faridah binti Abu Hassan (Dilantik)
- “ Tuan Ding Seling (Dilantik)
- “ Dato' Eng Hoi Choo, A.M.S., P.P.T. (Dilantik - Wilayah Persekutuan)
- “ Dato' Ghazi @ Hasbullah bin Haji Ramli, D.I.M.P. (Selangor)
- “ Puan Hajah Habshah binti Haji Osman, P.P.T., P.J.K. (Dilantik - Wilayah Persekutuan)
- “ Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed. Zain (Dilantik)
- “ Tuan Hanipah bin Ahmad, P.J.K. (Perlis)
- “ Datuk Haji Hashim bin Safin @ Shafin, D.M.S.M. (Dilantik)

Yang Berhormat Puan Hajah Hunaizah binti Mohd. Noor (Kelantan)

- “ Datuk Haji Ibrahim bin Ali, D.M.S.M. (Dilantik)
- “ Tuan Ibrahim bin Daud, J.S.M., K.M.N., P.L.P., P.I.S., B.S.I., A.M.N., P.P.N. (Johor)
- “ Puan Jamilah binti Ibrahim (Kelantan)
- “ Tuan Jang Chow Thye @ Yio Chow Thye, A.S.M., S.M.T., P.J.K., J.P. (Dilantik)
- “ Tuan Janggu Anak Banyang, P.B.K. (Sarawak)
- “ Tuan Jiniu bin Jimin (Sabah)
- “ Datuk Johan O.T. Ghani @ Christopher, P.G.D.K., K.M.N. (Dilantik)
- “ Puan Kamilia binti Ibrahim (Dilantik)
- “ Tuan Kan Kok Kwan, D.N.S., K.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Dilantik)
- “ Tuan Haji Kasim bin Mh. Yusop (Dilantik)
- “ Puan Hajah Khadijah binti Haji Awang (Terengganu)
- “ Datuk Khoo Keok Hai (Dilantik)
- “ Dato’ P. Krishnan a/l Permual (Dilantik)
- “ Tuan Long bin Jidin (Dilantik)
- “ Tuan Low Kai Meng, P.J.K., J.P. (Perak)
- “ Datuk Maidum P. Pansai @ Paul Pansai (Dilantik)
- “ Tuan N. Marimuthu a/l Nadeson, A.M.P., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Dilantik)
- “ Dato’ Dr. T. Marimuthu (Dilantik)
- “ Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin (Dilantik)
- “ Dato’ Michael Chen Wing Sum (Dilantik)
- “ Dato’ Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin, D.S.A.P. (Dilantik)
- “ Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawi, A.M.P., P.P.N., P.J.K. (Perak)

“ Tuan M.G. Pandithan @ Nyana Pandithan @ Ganapandythan a/l Muthandi (Dilantik)

Yang Berhormat Puan Hajah Rahaiah binti Baheran, P.J.K. (Dilantik)

“ Datuk Rahim bin Baba, D.M.S.M, A.M.P. (Dilantik)

“ Puan Hajah Ramlah binti Kassim (Pahang)

“ Tuan Rosli bin Mat Hasan (Dilantik)

“ Dato’ Saad bin Haji Man, D.S.D.K. (Dilantik)

“ Tuan Haji Sairin bin Karno (Sabah)

“ Tuan Haji Salleh @ Hassan bin Ali, P.J.K. (Terengganu)

“ Puan Sri Sarasa Pasamanickam, A.M.N., P.I.S. (Dilantik)

“ Puan Hajah Selemiah binti Hashim, P.P.N., A.M.N., P.K.T. (Dilantik)

“ Puan Tan Ah Eng (Johor)

“ Tuan Tan Son Lee, A.M.K., B.K.M., P.J.K. (Kedah)

“ Tuan Tan Swee Hueng (Dilantik)

“ Dato’ V.K.K. Teagarajan, D.P.M.S., A.M.N. (Dilantik)

“ Tuan Tee Thiong Hock, S.S.A., A.M.N., P.J.K. (Selangor)

“ Dato’ Ting Check Sii, D.I.M.P. (Dilantik)

“ Tan Sri Dato’ G. Vadiveloo a/l Govindasamy, P.S.M., D.P.M.S., S.M.S., A.M.N. (Dilantik)

“ Datin Hajah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad Tajuddin, P.J.K., A.M.S. (Dilantik)

“ Dr. Yeow Seng Huat (Pahang)

“ Tuan Yim Chee Chong @ Yim Kok Kheong (Negeri Sembilan)

“ Dato’ Zainol Abidin bin Johari, D.S.D.K., K.M.N., P.P.N., B.K.M., P.J.K., J.P. (Dilantik)

“ Tuan Zakaria bin Arshad (Negeri Sembilan)

“ Puan Hajah Zaleha binti Hussin, P.P.N., A.M.N. (Dilantik)

DEWAN NEGARA
PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara:	Abdullah bin Abdul Wahab
Penolong Setiausaha Kanan:	Zamani bin Haji Sulaiman
Penolong Setiausaha:	Haji Mustakin bin Selamat
Penolong Setiausaha:	Nor Hayatee binti Abdullah

CAWANGAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Pegawai Penerbitan:	Azhari bin Hamzah Monarita binti Mohd. Hassan
Ketua Pelapor Perbahasan Parlimen:	Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop, P.P.N.

PELAPOR PERBAHASAN PARLIMEN

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusop
Hajah Supiah binti Dewak
Mohamed bin Osman
Norishah binti Mohd. Thani
Shamsina binti Janor

BENTARA MESYUARAT

Lt. Kol (B) Haji Rahimuddin bin Abdul Mutalib
Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali
Mejar (B) Zakaria bin Salleh

DEWAN NEGARA

Rabu, 17 Disember 1997

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

D O A

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

PENGUMUMAN TUAN YANG DI-PERTUA

MESYUARAT DEWAN NEGARA - TAMBAHAN HARI

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Majlis ini bahawa saya telah menerima satu perutusan daripada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri selaku Timbalan Ketua Majlis yang memaklumkan bahawa Mesyuarat Dewan Negara akan dilanjutkan satu hari lagi iaitu pada hari Isnin 22 Disember 1997 untuk memberi masa yang lebih bagi Dewan Negara membahaskan pembentangan rang undang-undang yang dibentangkan oleh kerajaan menurut Peraturan Mesyuarat 10(2) Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Negara.

PERUTUSAN DARIPADA DEWAN RAKYAT

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu perutusan daripada Dewan Rakyat yang meminta Dewan Negara

mempersetujukan Rang Undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan tersebut.

Saya jemput Setiausaha membacakan perutusan itu sekarang.

“16 Disember 1997

**PERUTUSAN DARIPADA DEWAN RAKYAT
KEPADA DEWAN NEGARA**

Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara,

Dewan Rakyat telah meluluskan Rang Undang-undang yang berikut dan meminta Dewan Negara memersetujukannya:

1. Rang Undang-undang Saraan Hakim (Pindaan) 1997; dan
2. Rang Undang-undang Perindustrian Sekuriti (Depositori Pusat) (Pindaan) 1997

Yang ikhlas,

t. t

YANG DI-PERTUA DEWAN RAKYAT.”

URUSAN MESYUARAT

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Chong Kah Kiat]: Tuan Yang di-Pertua, saya akan mencadangkan supaya Rang Undang-undang yang tersebut di dalam perutusan itu dibacakan kali yang kedua dan ketiganya di mesyuarat ini.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

**YAYASAN KHAS YANG BERTINDAK BAGI GERAKAN KOPERASI
NEGARA - PENUBUHAN**

1. Puan Hajah Rahaiah binti Baheran minta Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi menyatakan hasrat kementerian di atas penubuhan Yayasan Khas Yang Bertindak sebagai 'Think-Tank' bagi Gerakan Koperasi Negara. Adakah badan tersebut bertindak sebagai badan Penasihat sebagaimana yang diperuntukkan di dalam Akta Koperasi 1993.

Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi

[Puan Ainon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini, Yayasan Khas yang dimaksudkan itu merupakan sebuah badan yang berfungsi sebagai pemikir dan pengkaji isu-isu dasar serta perancangan koperasi masa kini dan masa hadapan. Tujuan Yayasan itu ialah:

- Untuk membantu kementerian dan Jabatan Pembangunan Koperasi membangunkan Gerakan Koperasi di negara ini.
- Badan ini bukan merupakan sebuah badan penasihat statutory koperasi di bawah Seksyen 3(3) Akta Koperasi 1993, tetapi ini tidak bermakna bahawa kerajaan semestinya menerima atau menolak sebarang cadangan yang dikemukakan oleh badan ini.

Puan Hajah Rahaiah binti Baheran: Tuan Yang di-Pertua, adakah 'Think-Tank' ini akan memberi perhatian kepada Pembangunan Koperator Wanita Malaysia yang berjumlah 1.2 juta semuanya. Jika ada, dapatkah kementerian memberi peruntukan yang sewajarnya kepada pembangunan begitu ramai wanita Malaysia?

Puan Ainon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Puan Hajah Rahaiah binti Baheran yang menunjukkan keprihatinannya kepada Gerakan Koperasi Wanita.

Sukacita saya memaklumkan bahawa badan ataupun Yayasan Khas ini bertujuan mencari tindakan-tindakan dan mengumpulkan idea-idea daripada pemikir dan pengkaji isu-isu berkaitan dengan gerakan koperasi keseluruhannya termasuklah Gerakan Koperasi Wanita. Sekiranya perlu akan ada diperuntukkan peruntukan khas untuk Gerakan Koperasi Wanita.

Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawi: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya dan perlu penjelasan mengenai koperasi juga - ada hubung kait dengan koperasi. Kita ketahui ada wujudnya jawatan pengembang koperasi di tiap-tiap daerah dan sebagainya, tetapi di akhir-akhir ini mereka tidak lagi diberi elaun dan saya ingin bertanya kedudukan mereka ini dalam keadaan yang tidak menentu. Jadi, apakah tindakan kerajaan selanjutnya mengenai perkara ini?

Puan Ainon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas: Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat bahawa soalan ini tidak berkait secara langsung dengan soalan asal. Walau bagaimanapun, saya cubalah memberi penerangan sedikit berkenaan dengan kedudukan pengembang-pengembang koperasi ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya memanglah pengembang-pengembang koperasi telah diwujudkan khususnya di bawah Rancangan Malaysia yang Keenam, tetapi apabila Rancangan Malaysia Keenam telah berakhir dan peruntukan untuk pengembang-pengembang koperasi ini tamat dengan peruntukan Rancangan Malaysia Keenam, Jabatan Pengembang Koperasi melalui Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi telah memohon kepada Jabatan Perkhidmatan Awam untuk diteruskan khidmat pengembang-pengembang koperasi ini, tetapi hingga ke masa kini kementerian belum lagi dapat apa-apa kemajuan berkenaan dengan permohonan ini.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, daripada penjelasan Yang Berhormat tadi jelas bahawa Yayasan Khas yang dibentuk itu mempunyai peranan yang penting dalam Gerakan Pembangunan Koperasi. Saya ingin mendapat penjelasan apakah program yang dirancang untuk menggunakan koperasi ini bagi menghadapi krisis kewangan dan ekonomi yang dihadapi oleh negara sekarang ini?

Puan Ainon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas: Tuan Yang di-Pertua, kementerian sentiasa mengambil berat tentang keadaan ekonomi semasa

termasuklah tentang kegawatan ekonomi pada masa kini. Sebahagian ataupun keseluruhan jawapan kepada soalan Yang Berhormat tanyakan tadi, telah saya jelaskan pada Dewan ini pada hari semalam semasa saya menggulung, di mana saya telah menyatakan di antara lain, bahawa kementerian telah menubuhkan satu jawatankuasa petugas khas, khas untuk menangani masalah-masalah yang timbul hasil daripada kegawatan ekonomi pada masa sekarang. Jawatankuasa petugas-petugas khas ini Tuan Yang di-Pertua, sedang dalam tindakan menggariskan tindakan-tindakan yang akan dijalankan khususnya kalau diizinkan Allah S.W.T akan dimulakan pada awal tahun 1998. Di antara lainnya, ada di dalam perancangan untuk membekalkan barang-barang secara pukal kepada koperasi-koperasi, Koperasi Jabatan Kerajaan, Koperasi-koperasi di Taman-taman Perumahan, Koperasi Wanita dan lain-lainnya ala '*Huns Group*' yang berasal dari Jepun, di mana koperasi akan mendapat bekalan secara pukal ataupun banyak dengan harga yang agak murah. Harga yang murah ini pula diturunkan melalui kedai-kedai pengguna koperasi yang akan menjualkannya kepada anggota-anggota koperasi dan masyarakat umum.

UNDANG-UNDANG KHAS MARITIM/NAVIGATION ANTARABANGSA - CADANGAN MEWUJUDKAN

2. Datuk Haji Abdul Majid bin Haji Baba minta Menteri Pengangkutan menyatakan adakah kerajaan bercadang mewujudkan Undang-undang Khas Maritim (Maritime) dan Navigation antarabangsa, supaya dapat menyekat kapal-kapal yang menggunakan perairan Selat Melaka hanyalah terdiri dari kapal-kapal yang layak dan sesuai, bagi mengelakkan berlakunya tumpahan minyak,

mengelakkan berlakunya pelanggaran dan lain-lain kemalangan yang boleh merugikan negara dan menimbulkan kekesulitan kepada nelayan-nelayan tempatan.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan tidak bercadang untuk mewujudkan satu Undang-undang Maritim yang khas untuk menyekat kapal-kapal tertentu daripada menggunakan Selat Melaka. Ini adalah kerana Konvensyen Undang-undang Laut 1982 (The United Nation Convention on the Law of the Sea), dengan izin jelas menetapkan bahawa transit passage atau innocence, dengan izin melalui sesebuah selat yang digunakan untuk pelayaran antarabangsa tidak boleh dihalang sama sekali.

Selat Melaka adalah salah sebuah daripada selat-selat yang jatuh di bawah kategori tersebut. Walaupun demikian, kerajaan telah pun mengambil beberapa tindakan untuk meningkatkan tahap keselamatan pelayaran di Selat Melaka seperti mewujudkan Skim Pemisah Lalulintas (Traffic Separation Scheme), dengan izin dan juga melaksanakan projek Vessel Traffic Services, dengan izin, yang akan beroperasi pada penghujung tahun 1998 ini.

Tuan Rosli bin Mat Hassan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Oleh kerana industri pelayaran akan menjadi satu industri baru dan menjadi minat di negara-negara membangun dan ianya telah dimaju di negara-negara yang telah maju. Apakah rancangan ataupun keadaan pembangunan jeti-jeti yang berkemungkinan akan menjadi 'parking bay' kepada pemunya ataupun pemilik

kapal ataupun bot-bot sama ada rakyat Malaysia ataupun rakyat asing supaya ianya akan dapat memberi sumbangan dari segi jangka panjang kepada negara.

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi jeti-jeti kecil yang ada di negeri-negeri kerajaan sentiasa memberi galakan, khususnya Kementerian Pengangkutan kepada kerajaan-kerajaan negeri untuk meningkatkan lagi ataupun memperbaiki jeti-jeti yang sedia ada. Manakala pihak kementerian di mana di bawah bidang Lembaga Pelabuhan yang ada sentiasa melakukan kerja korek-mengorek pada setiap tahun.

Bagi yang ingin menggunakan kapal layar, mereka boleh menggunakan marina seperti yang dibina di Pelabuhan Kelang dan pembinaan marina-marina memang sentiasa diberi galakan.

Tuan Hanipah bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan dan terima kasih di atas makluman yang diberi yang mengatakan Selat Melaka tidak akan dikenakan sekatan navigation.

Soalan saya adakah Selat Melaka sesuai untuk laluan kapal selam, kalau sesuai adakah sudah digunakan laluan kapal selam di laut Selat Melaka?

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Selat Melaka sesuai dilalui oleh kapal selam kerana selatnya dalam. Ini tertakluk kepada reporting system yang telah kita setujui dengan IMO, maka semua kapal yang lalu dia kena report. Jika ada yang lalu, yang tidak report, kita boleh mengambil tindakan, termasuklah

kapal selam, selepas ini kita tidak ada undang-undang untuk dia mesti report dengan itu ada yang menyelam diam-diam, kalau kita tahu pun kita tidak boleh hendak buat apa. Tetapi di masa hadapan apabila reporting ini diwajibkan, maka kesemua mereka mesti melaporkan, di mana Malaysia bersama dengan Indonesia dan Singapura telah pun mengemukakan kepada International Maritime Organisation (IMO), satu cadangan seperti yang saya sebutkan tadi untuk memanjangkan skim pemisah lalulintas yang sedia ada untuk merangkumi keseluruhan Selat Melaka. Cadangan ini telah pun diterima secara prinsipnya oleh IMO dan sedang menunggu adoption rasmi IMO di mana ianya dijangka akan berkuatkuasa pada penghujung tahun 1998. IMO juga telah menerima secara prinsipnya pelaksanaan Sistem Laporan Kapal Berwajib yang saya baru sebut sebentar tadi atau Mandatory Ship Reporting System, dengan izin, yang telah dikemukakan oleh ketiga-tiga negara yang merupakan satu sistem yang mewajibkan kapal-kapal yang melalui Selat Melaka untuk melaporkan identiti dan jenis kargo yang dibawa. Sistem ini juga dijangka akan berkuatkuasa pada hujung tahun 1998.

PERJANJIAN BERSAMA PEKERJA LADANG SELEPAS BERSARA - SEMAKAN SEMULA

3. Dato' P. Krishnan minta Menteri Sumber Manusia menyatakan sama ada kementerian bercadang untuk menyemak semula perjanjian bersama di antara pekerja-pekerja ladang selepas bersara mendapat pampasan yang lebih baik memandangkan ladang-ladang juga telah dijual dengan harga yang tinggi.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir]: Tuan Yang di-Pertua, perjanjian bersama yang dipersetujui di antara Kesatuan Kebangsaan Pekerja-pekerja Ladang (National Union of Plantation Workers) dengan Persatuan Pengeluar-pengeluar Pertanian Malaysian (Malaysia Agricultural Producers Association)(MAPA) telah dihasilkan melalui rundingan damai kedua-dua pihak itu.

Sehubungan itu segala terma dan syarat yang terkandung di dalam perjanjian bersama tersebut termasuk soal kuantum pampasan selepas bersara boleh dirunding semula selepas tamat tempoh sah laku perjanjian itu pada 30 Mei 1998. Walau bagaimanapun sebarang perubahan kepada kandungan perjanjian bersama dalam tempoh sah lakunya masih boleh dibuat dengan persetujuan kedua-dua pihak berkenaan.

Kementerian Sumber Manusia tidak mempunyai hak atau kuasa untuk meminda sebarang peruntukan dalam perjanjian bersama yang telah dipersetujui oleh pihak-pihak yang terbabit.

Tuan M.G. Pandithan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah saya mendapat tahu dari kerajaan ataupun kementerian mengenai keadaan atau suasana yang wujud pada masa kini di estet-estet dan adakah kerajaan berpuas hati terhadap keadaan itu, dari segi gaji, kerja, elaun perumahan, persekolahan dan sebagainya? Apakah tindakan kerajaan untuk mempertingkatkan mutu kehidupan pekerja-pekerja ladang?

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Kesatuan yang mewakili pekerja-pekerja yang berkaitan, rasanya berpuas hati dengan soal gaji dan terma kerja, kerana mereka telah bersetuju dengan perjanjian bersama itu. Jadi, nampaknya dari segi gaji dan sebagainya mereka memanglah merasa puas hati.

Saya memang bersetuju dengan Ahli Yang Berhormat ada beberapa perkara khususnya dari segi infrastructure, seperti dewan sekolah dan sebagainya di setengah-setengah tempat memanglah dilupa dan ini perlu diperbaiki. Pihak Jabatan Buruh sepanjang masa akan kita siasat dan jika keadaannya tidak memuaskan, kita akan mengambil tindakan. Dalam pada itu juga soal-soal perumahan, kita selalu menggalakkan supaya pihak majikan memperbaiki kedudukan perumahan mereka. Oleh sebab banyak estet yang ditukar menjadi kawasan perumahan dan sebagainya, kita telah juga menghubungi kerajaan-kerajaan negeri untuk memastikan selepas ini, sebelum sesuatu projek itu diluluskan untuk projek perumahan dan sebagainya. Maka soal gantirugi seperti pampasan dan perumahan kepada pekerja-pekerja khususnya pekerja-pekerja yang telah lama berkhidmat itu dapat diselesaikan terlebih dahulu.

Tuan Rosli bin Mat Hassan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah benar dakwaan setengah-setengah pihak yang menyatakan gaji dan upah pekerja-pekerja ladang kita di antara rakyat tempatan dengan rakyat pekerja asinglah maksud saya amat berbeza. Apakah perbezaan ataupun kedudukan

piawaian upah dan gaji dalam sektor perladangan, pembinaan ataupun sektor-sektor lain yang banyak diperkatakan sekarang ini?

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, gaji akan ditentukan oleh majikan, kecuali mereka ini telah pun dipersetujui misalnya dalam perjanjian bersama yang saya sebutkan tadi. Tetapi kalau dikatakan gaji orang luar itu lebih dari orang tempatan, saya rasa itu tidaklah begitu tepat, malah tuduhan bahawa gaji yang diberi kepada pekerja luar itu adalah terlalu rendah - itu adalah tuduhan-tuduhan yang kita mendengar sekali-sekala. Kalau kita bandingkan gaji yang dibayar kepada pekerja ladang ini tadi dengan gaji yang dibayar kepada pekerja-pekerja binaan, kita dapati gaji yang dibayar kepada pekerja binaan adalah terlalu tinggi. Sungguhpun kita tahu pekerja binaan itu dia terpaksa bekerja dengan lebih berat, dalam keadaan yang lebih sukar, namun demikian gajinya terlalu berbeza. Sekarang ini kita bersama dengan pihak-pihak yang berkaitan dengan upah dan gaji di sektor pembinaan ini sedang memperbetulkan keadaannya.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, ramai orang tertarik dengan persoalan antara kemungkinan wujudnya diskriminasi kepada pekerja-pekerja tempatan berbeza dengan pekerja-pekerja luar, iaitu pekerja-pekerja asing. Jadi, saya ingin tahu daripada pihak kementerian menerusi Timbalan Menterinya yang ada bersama kita hari ini.

Soalan tambahan saya ialah apabila pekerja-pekerja tempatan telah pun sampai kepada peringkat gaji maksimum, kita diberitahu sekarang ini wujud di mana mereka ini dibuang kerja untuk diisi pula oleh pekerja-pekerja asing, yang tidak mempersoalkan kenaikan gaji, sebab mereka tidak bersangkut paut dengan gaji maksimum. Jadi, adakah pihak kementerian menyedari hal ini, adakah laporan diterima dan kalau ada apakah tindakan yang patut diambil kepada majikan-majikan yang membuat diskriminasi yang mengakibatkan ramai pekerja tempatan dibuang?

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, kalau kita dapati bukti-bukti yang spesifik tentang keadaan yang telah dinyatakan tadi, sudah tentulah kita akan mengambil tindakan yang tegas dan keras. Tetapi memang kita telah menyatakan beberapa kali bahawa kalau mana-mana majikan hendak mengurangkan pekerja atau hendak membuang dan sebagainya, oleh sebab masalah syarikat hendak mengurangkan pekerja misalnya, kita telah pun mengarahkan supaya pekerja luar perlulah dihentikan dahulu sebelum pekerja tempatan.

Satu perkara lagi yang kita harus sedar bahawa kerajaan telah pun membekukan pengambilan pekerja asing sejak setahun yang lalu, bermakna soal hendak menggantikan pekerja tempatan dengan pekerja luar tidak timbul lagi.

Keduanya, job hopping juga telah diharamkan, sekarang ini kalau pekerja datang ke Malaysia diberi permit, maka permit itu akan menyebut syarikat di

mana pekerja itu bekerja, maknanya dia hendak job hopping tidak boleh. Jadi, soal menggantikan pekerja kita dengan pekerja luar ini, saya rasa tidak timbul lagi sekarang ini.

PROJEK PERUMAHAN MENYEDIAKAN TANAH PERKUBURAN - KAJIAN

4. To' Puan Wan Asiah binti Ahmad minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan dalam projek-projek perumahan adalah diambilkira:

- (a) kemudahan tanah perkuburan dan kiranya sudah ada, berapa projekkah yang telah disediakan kemudahan tersebut (tanah perkuburan); dan
- (b) sekiranya belum bilakah akan dimasukkan tanah rizab untuk perkuburan ini.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Azmi bin Khalid]: Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Perancang Bandar dan Desa telah menyediakan garis panduan dan piawaian bagi perancangan dan penyediaan tapak perkuburan bagi kawasan-kawasan pihak berkuasa tempatan.

Pada umumnya perletakan tapak perkuburan disediakan mengikut kriteria kawasan kejiranan serta tadahan penduduk dan bukannya bagi setiap rancangan perumahan yang ingin dimajukan. Ini bagi membolehkan penyediaan kemudahan tersebut secara sistematik, tidak berselerak, di tengah-tengah kawasan pembangunan dan tidak bercanggah dengan kegunaan tanah yang sedia ada. Dasar ini juga mengambil kira masalah kekurangan tanah dan nilai tanah yang tinggi di kawasan bandar.

TASKA DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR - JUMLAH

5. Puan Hajah Habshah binti Haji Osman minta Perdana Menteri menyatakan berapakah jumlah Taska Dewan Bandaraya Kuala Lumpur yang telah disediakan dan di kawasan mana, kaedah yang digunakan dan sejauh manakah penguatkuasaan undang-undang yang dilaksanakan.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Dr. Ibrahim bin Saad]: Tuan Yang di-Pertua, di bawah Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, sebagai pihak berkuasa tempatan di antara lain adalah bertanggungjawab untuk menyediakan perkhidmatan yang khusus ke arah mencapai matlamat pembangunan masyarakat khususnya kepada golongan yang berpendapatan rendah. Di antara perkhidmatan-perkhidmatan tersebut ialah menyediakan kemudahan-kemudahan asas dan tenaga manusia untuk menjalankan pusat-pusat asuhan kanak-kanak melalui Program NADI, DBKL. Sehingga ini terdapat 10 buah taska yang memberi perkhidmatan kepada 282 kanak-kanak yang berumur di antara 4 tahun sehingga 6 tahun yang dikendalikan oleh DBKL. Pusat-pusat taska ini beroperasi pada tiap-tiap hari persekolahan di antara pukul 8.00 pagi hingga 12.30 tengahari di bawah bimbingan pembantu pembangunan keluarga dan pembantu tadbir rendah kontrak seramai dua orang di tiap-tiap pusat.

Dari segi peraturan dan penguatkuasaan undang-undang, pusat-pusat taska ini adalah ditadbir oleh DBKL melalui Jabatan Perancang Ekonomi dan Kemudahan Sosial dan Urusetia Program NADI.

Puan Kamalia binti Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi, Yang Berhormat Timbalan Menteri telah mengatakan tiap-tiap taska akan dikendalikan oleh dua orang. Soalan saya ialah apakah kemahiran atau latihan yang diberi kepada dua orang yang menjaga taska ini dan adakah pengkhususan diberi kepada pembangunan intelek anak-anak yang berumur antara 4 hingga 6 tahun?

Datuk Dr. Ibrahim bin Saad: Guru-guru taska ini dilatih oleh DBKL. Dari segi pembangunan intelek, walaupun diberi seperti biasa, tetapi yang lebih penting ialah pembangunan dari segi nilai, sikap, tingkah-laku dan sebagainya, sebab kanak-kanak yang berumur 4 hingga 6 tahun, jika kita menanam semangat tidak seperti yang kita kehendaki sama ada tingkah-laku ataupun sikap, maka tingkah-laku itu akan dibawanya sampailah dia remaja dan dewasa. Tetapi dari segi intelegnya, dari segi pelajarannya, jika mereka tidak dapat sekali pun, tetapi bila mereka ke sekolah, maka mereka akan bermula balik daripada tahap yang seperti kita tahu iaitu UPSR bagi tahap satu.

Puan Hajah Rahaiah binti Baهران: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya selepas diadakan Taska oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur ini, adakah Dewan Bandaraya Kuala Lumpur bercadang untuk mengadakan pusat jagaan harian, yang mana amat diperlukan bagi kanak-kanak yang berumur atas daripada 6 tahun yang selalunya dibiarkan berkeliaran sementara ibu dan bapanya bertugas di pejabat-pejabat ataupun bekerja?

Datuk Dr. Ibrahim bin Saad: Tuan Yang di-Pertua, pada ketika ini kita tidak ada rancangan.

BAS PELANCONGAN BERDAFTAR DI NEGERI PAHANG - BILANGAN

6. Dr. Yeow Seng Huat minta Menteri Pembangunan Usahawan menyatakan:

- (a) bilangan bas pelancongan yang berdaftar di negeri Pahang khususnya dan benar-benar beroperasi di negeri Pahang; dan
- (b) bilangan bas pelancongan yang berdaftar di negeri Pahang dan tidak beroperasi di negeri Pahang dan sebaliknya bas-bas berkenaan beroperasi di negeri-negeri lain.

Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan [Tuan Idris bin Jusoh]:

Tuan Yang di-Pertua, bilangan bas pelancongan ataupun bas persiaran yang telah diluluskan di negeri Pahang sehingga 30 September 1997 adalah sebanyak 12 lesen.

Kementerian tidak mempunyai butiran mengenai bilangan bas yang diluluskan bagi negeri Pahang, beroperasi di negeri Pahang dan juga yang tidak beroperasi di negeri Pahang.

Untuk makluman Yang Berhormat, walaupun bas-bas tersebut diluluskan di negeri Pahang, tetapi sebagai bas pelancong ianya bebas beroperasi di mana-mana destinasi mengikut kehendak dan tempahan pelancong dan tidak terhad kepada negeri Pahang sahaja. Dengan demikian adalah sukar untuk mendapat maklumat tepat mengenai jumlah bas pelancong yang benar-benar beroperasi di negeri Pahang atau sebaliknya.

Dr. Yeow Seng Huat: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah syarat-syarat yang dikenakan ke atas pemandu bas pelancong memandangkan bas pelancong ini selalu bergerak pada waktu malam dan apabila mereka pergi jauh ke satu tempat dan dari satu negeri ke satu negeri. Jika ada syarat-syarat, bagaimana pihak yang berkenaan mengawasi syarat-syarat ini?

Tuan Idris bin Jusoh: Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini tidak ada syarat-syarat lebih dikenakan selain daripada pemandu itu harus sihat dan mempunyai lesen PSV yang dikendalikan oleh Kementerian Pengangkutan.

SEKOLAH BERKONSEP PONDOK - BILANGAN PELAJAR

7. **Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail** minta Menteri Pendidikan menyatakan bilangan sekolah yang berkonsep pondok dan bilangan pelajar yang terlibat serta keadaan masa depan mereka.

Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk Dr. Fong Chan Onn]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, terdapat 17 buah sekolah yang berkonsep pondok di seluruh negara dengan bilangan pelajar seramai 12,000 orang.

Mengenai masa depan sekolah-sekolah tersebut, kebanyakannya sudah memasuki arus perdana pendidikan negara dan menerima sistem pendidikan kebangsaan. Sekolah-sekolah tersebut juga mendapat pengiktirafan Universiti Al-Azhar dan universiti-universiti Timur Tengah.

Puan Hajah Zaleha binti Hussin: Tuan Yang di-Pertua, mengenai sekolah-sekolah yang berkonsepkan sistem pondok ini, negeri Kelantan adalah

merupakan negeri yang paling banyak kedapatan sekolah-sekolah yang berbentuk demikian.

Soalan tambahan saya ialah, saya ingin bertanya kepada pihak kementerian apakah dalam 7 buah sekolah yang disebut tadi termasuk sekolah-sekolah pondok yang ada di Kelantan. Saya juga dapati sekolah-sekolah pondok di Kelantan ini masih lagi diserap dan diajar dengan beberapa perkara yang ada juga kadangkala berunsur negatif, yang boleh merosakkan perhubungan di antara rakyat dengan kerajaan. Apakah sekolah-sekolah pondok yang wujud di negeri Kelantan hari ini kurikulumnya adalah kurikulum yang tersendiri tanpa merujuk kepada Kementerian Pendidikan dan tidak punya pendaftaran dengan Kementerian Pendidikan?

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua memang benar di negeri Kelantan ada 7 buah sekolah berkonsep pondok, di antara 70 buah di seluruh negara dan seperti yang saya sudah terangkan tadi, kebanyakan sekolah-sekolah tersebut sudah masuk arus perdana pendidikan dan sudah menerima Sistem Pendidikan Kebangsaan. Namun demikian, Kementerian Pendidikan akan terus bekerja sedaya-upaya supaya semuanya termasuklah 7 buah di Kelantan itu akan menerima Sistem Pendidikan Kebangsaan kita.

Tuan Hanipah bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya minta pihak Kementerian Pendidikan tolong jelaskan apa yang dikatakan sekolah pondok dan

adakah kerajaan bercadang untuk menutup sekolah-sekolah pondok ini pada masa hadapan?

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, sekolah-sekolah pondok ini adalah sekolah-sekolah yang diwujudkan untuk memperkenalkan ajaran agama. Oleh kerana negara kita merupakan sebuah negara yang bebas, kita hormati sistem tersebut dan Kementerian Pendidikan akan terus memberi kerjasama dengan sekolah-sekolah tersebut dan memberi sokongan supaya bukan sahaja kita boleh mempertingkatkan tahap pendidikan sekolah-sekolah itu, tetapi akhirnya mereka juga akan menerima Sistem Pendidikan Kebangsaan.

USAHAWAN PELANCONGAN - BANTUAN KHAS

8. Datuk Haji Sairin bin Karno minta Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan menyatakan:

- (a) adakah bantuan khas kepada usahawan pelancongan untuk membuat perusahaan pelancongan khasnya bumiputera dan
- (b) apakah jenis-jenis perusahaan pelancongan yang boleh diberi bantuan dan berapa had yang dibolehkan.

Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan [Dato' Teng Gaik Kwan]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat dalam usaha menggalakkan perkembangan industri pelancongan negara supaya berdaya maju dan seiring dengan pertumbuhan ekonomi negara, kerajaan telah melancarkan beberapa program dan galakan insentif kepada usahawan-usahawan yang terlibat khususnya usahawan-usahawan bumiputera. Antara program

tersebut ialah tabung khas untuk membiayai projek yang berkaitan dengan pelancong, dengan kadar faedah di antara 4% hingga 6.5%, saiz minimum projek adalah RM100,000 dan tidak melebihi RM5 juta. Kemudahan ini disalurkan melalui bank-bank perdagangan.

- (i) pengurangan kadar cukai dan lain-lain bentuk galakan iaitu taraf perintis, pengecualian cukai sehingga lima tahun.
- (ii) elaun cukai pelaburan.
- (iii) pengecualian cukai pendapatan untuk pengusaha pelancongan yang membawa masuk pelancong asing sekurang-kurangnya 500 orang. Potongan cukai dua kali bagi perbelanjaan di luar negara untuk penggalakkan pelancongan seperti perbelanjaan publisiti, penerbitan, risalah, penyelidikan, pasaran, perundingan, penyelenggaraan pejabat di luar negara dan penyertaan dalam forum dan penyertaan dalam pesta.

Potongan cukai dua kali untuk latihan para pekerja syarikat di institusi yang dilesenkan oleh kementerian. Pengecualian duti import cukai jualan dan cukai perkhidmatan ke atas barangan-barangan pelancongan dari cukai perkhidmatan bagi hotel kos rendah dan kos sederhana dan pengecualian cukai pendapatan untuk penganjuran, persidangan dan pameran yang dapat menarik sekurang-kurangnya 3,000 orang peserta asing dan pencualian cukai pendapatan untuk

restoran yang mempunyai ciri-ciri pelancongan dari segi kunjung, reka bentuk dan pakej-pakej yang dimiliki dan diurus oleh tuan punya sahaja.

Bantuan di bawah Skim Pembiayaan MARA. Usahawan-usahawan bumiputera adalah diberikan keutamaan dari segi pengeluaran lesen dan bantuan kewangan sekiranya mereka mempunyai projek pelancongan yang sesuai di samping usahawan yang berpotensi dan berdaya maju.

- (i) jenis-jenis perusahaan pelancongan yang boleh diberikan bantuan ialah semua jenis penginapan pelancong;
- (ii) perkhidmatan pengangkutan yang berkaitan dengan perkembangan;
- (iii) tempat peranginan pelancong termasuk kerja-kerja pengindahan dan pengubahsuaian;
- (iv) kemudahan yang berkaitan dengan pelancongan seperti restoran, pusat cenderamata, kedai bebas cukai, peralatan, rekreasi, kumpulan kebudayaan dan galeri.

Pembayaran adalah sehingga 75% daripada jumlah kos projek yang mana tidak melebihi RM3 juta. Dalam keadaan tertentu, jumlah kos projek boleh dibayar sehingga RM5 juta.

Datuk Haji Sairin bin Karno: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sehingga hari ini berapakah jumlah peruntukan yang telah dikeluarkan khususnya kepada pengusaha bumiputera?

Dato' Teng Gaik Kwan: Sepertimana saya sebut tadi, kita telah mengadakan peruntukan sejumlah RM200 juta untuk penggalakkan melalui bank-bank pengangkutan. Sehingga hari ini lebih kurang RM218 juta telah dipinjam oleh kompeni-kompeni atau pemohon-pemohon yang berkaitan.

Lagi satu kementerian saya pada Rancangan Malaysia Keenam, kita telah membina 15 buah hotel iaitu Hotel Seri Malaysia di seluruh Malaysia. Kementerian saya berharap sehingga Rancangan Malaysia Ketujuh kita boleh membina lebih banyak lagi, kerana sehingga hari ini kita dapat membina 15 Hotel Seri Malaysia, tetapi bukan di setiap negeri.

Hasrat kerajaan ialah kalau boleh tidak kira di Perlis, tidak kira di Kelantan kita akan membuat Hotel Seri Malaysia di kedua-dua buah negeri ini.

Tuan Tee Thiong Hock: Tuan Yang di-Pertua, memandangkan kepada perindustrian pelancongan itu sangat mustahak dan pada masa sekarang ekonomi kita jatuh, adakah apa-apa langkah tambahan yang akan diambil oleh kementerian untuk menggalakkan kedatangan pelancong-pelancong dari negara asing?

Dato' Teng Gaik Kwan: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa soalan ini telah terkeluar dari soalan asal - maaf.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Tuan Yang di-Pertua, tadi saya dengar Yang Berhormat ada menyebutkan kementerian telah menubuhkan Hotel Seri Malaysia ini sebanyak 15 buah.

Saya hendak bertanya apakah sebabnya Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan masih lagi tidak mendirikan hotel tersebut di Perlis? Adakah Perlis tidak perlu?

Dato' Teng Gaik Kwan: Tuan Yang di-Pertua, membina sebuah hotel seperti Seri Malaysia ini, ia memerlukan tapak atau tanah. Di Kelantan kita belum dapat tanah dan di Perlis juga kita mengambil masa, perkara ini kita akan memberi pertimbangan. *[Ketawa]*

'LATIHAN 'FIRE DRILL' DI KAWASAN PERUMAHAN - CADANGAN KEMENTERIAN

9. Puan Sri Sarasa Pasamanickam minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan adakah kementerian bercadang untuk memberikan satu latihan seperti 'fire drill' untuk kawasan-kawasan perumahan memandangkan terdapat banyak kes kebakaran di mana penghuninya terperangkap bersama-sama anak-anaknya dan mati kerana tidak tahu atau kurang pengetahuan menghadapi keadaan sedemikian. Apakah pendapat kementerian jika latihan ini diberikan melalui unit Rukun Tetangga di kawasan-kawasan perumahan.

Dato' Azmi bin Khalid: Tuan Yang di-Pertua, dalam kempen untuk mencegah kebakaran pada tahun 1995, penghuni rumah dan suri rumah telah dipilih sebagai salah satu kumpulan sasaran khusus, di mana program-program ini dijalankan melalui persatuan penduduk setempat termasuklah melalui Unit Rukun Tetangga. Di samping itu risalah-risalah dengan izin, brochure dan pamphlets berhubung dengan pencegahan kebakaran dan tindakan kecemasan semasa

kebakaran telah diedarkan kepada pihak awam dan kumpulan sasaran. Ini termasuklah cadangan penggunaan gerigi (grill), dengan izin, yang sesuai dan mudah dibuka di waktu kecemasan. Program sedemikian diteruskan sebagai usaha pembelajaran awam yang berterusan. Inisiatif telah diambil oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia dengan merekaciptakan gerigi (grill) keselamatan, yang mempunyai ciri-ciri kemudahan melepaskan diri semasa kebakaran di dalam usaha menyelamatkan nyawa penghuni rumah di kala berlakunya bencana kebakaran. Manakala pada masa yang sama tidak mengabaikan keselamatan rumah daripada kecurian dan rompakan.

Tuan M.G. Pandithan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah kerajaan berhasrat untuk menswastakan bomba?

Dato' Azmi bin Khalid: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini 'tidak'.

Tuan Rosli bin Mat Hasan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Gerigi keselamatan tidak termasuk dalam kuasa Majlis Daerah meluluskan pelan semasa kita meluluskan pelan di peringkat Majlis Daerah. Jadi, biasanya masalah yang dihadapi oleh penduduk apabila berlaku kebakaran gerigi atau jaring keselamatan ini adalah merupakan satu faktor yang amat penting untuk menyelamatkan penghuni dan rakyat kita yang menghadapi kebakaran. Apakah kerajaan bercadang supaya satu klausa baru ataupun satu bentuk peraturan dapat dimasukkan di dalam setiap kelulusan pelan di peringkat Majlis Daerah dan Majlis Perbandaran?

Dato' Azmi bin Khalid: Tuan Yang di-Pertua, ini adalah satu cadangan yang baik, yang patut dipertimbangkan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, gerigi yang dicadangkan telah pun direkabentuk oleh pasukan bomba dengan inisiatif kakitangan bomba sendiri. Saya sendiri telah melihat dan telah terbukti bahawa keselamatannya begitu baik dan penggunaannya juga begitu baik. Secara mana ini hendak di'commercialise'kan, itu belum lagi dibincangkan.

Tuan Abdillah bin Abdul Rahim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah kerajaan bercadang mengadakan balai bomba mini ataupun balai bomba kecil yang dikendalikan oleh penghuni-penghuni kawasan-kawasan perumahan yang jauh dari balai bomba. Saya percaya ini akan dapat mengurangkan beban jabatan berkenaan.

Dato' Azmi bin Khalid: Tuan Yang di-Pertua, membina balai-balai bomba mini adalah satu usaha yang memerlukan perbelanjaan yang banyak, tetapi pihak kerajaan telah menggalakkan penubuhan pasukan-pasukan bomba sukarela di kampung-kampung dan di semua kawasan perumahan. Begitu juga kilang-kilang digalakkan mewujudkan pasukan kawalan api secara bersendirian di mana pihak bomba memberi bantuan latihan dan sebagainya. Di bangunan-bangunan tinggi juga diwujudkan program-program latihan 'drill' dan sebagainya. Ini termasuk jabatan-jabatan yang digunakan oleh kerajaan dan swasta.

**BANGUNAN KERAJAAN DI LEMBAH KELANG BERPINDAH
KE PUTRAJAYA - PENYENARAIAN**

10. Puan Faridah binti Abu Hassan minta Perdana Menteri menyatakan adakah kerajaan akan menyenaraikan bangunan-bangunan Kerajaan di Lembah Kelang yang berpindah ke Putrajaya untuk dijual atau disewa sebelum pemindahan tersebut atau kerajaan mempelawa pihak swasta membuat tawaran cadangan pembangunan kepada bangunan-bangunan tersebut.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Muhammad bin Abdullah]: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini belum ada keputusan muktamad yang dibuat ke atas bangunan-bangunan kerajaan di Lembah Kelang yang akan dikosongkan oleh kementerian atau jabatan apabila berpindah ke Putrajaya. Walau bagaimanapun sebahagian daripada bangunan-bangunan ini masih akan digunakan oleh jabatan-jabatan kerajaan yang masih kekal beroperasi di peringkat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Haji Ahmad bin Ismail.

Puan Tan Ah Eng: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin Soalan No. 11.

KASTAM DI TAMBAK JOHOR - MENYEGERAKAN PEMERIKSAAN

11. Puan Tan Ah Eng [di bawah S.O. 23(2)] minta Menteri Kewangan menyatakan apakah langkah dan tindakan kementerian terhadap permintaan Singapura untuk menyegerakan pemeriksaan kastam di Tambak Johor yang kebelakangan ini menyebabkan kesesakan lalulintas sehingga hampir lapan jam dan menjejaskan barangan eksport kepada kedua-dua negara.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar]:

Tuan Yang di-Pertua, kesesakan di tempat pemeriksaan Kastam di Tanjung Putri adalah berpunca daripada tindakan Jabatan Kastam untuk melaksanakan operasi pemeriksaan teliti secara terpilih yang telah bermula pada akhir bulan September 1997.

Operasi pemeriksaan teliti adalah merupakan salah satu amalan biasa yang diambil dari semasa ke semasa sekiranya ada keperluan mengambil tindakan sedemikian. Bagaimanapun pada pertengahan bulan Oktober 1997, pihak kastam telah mengambil tindakan-tindakan tertentu untuk mengurangkan kesesakan. Ekoran dari tindakan kastam tersebut telah memulihkan keadaan seperti biasa. Oleh yang demikian, permintaan Singapura untuk menyegerakan pemeriksaan harian di Tambak tidak timbul lagi.

KEHILANGAN PASPORT PEKERJA ASING - TINDAKAN

12. Dato' P. Krishnan minta Menteri Dalam Negeri menyatakan adakah pihak kementerian menyedari tuduhan yang mengatakan Jabatan Imigresen kerap menghilangkan passport-pasport pekerja asing sewaktu mereka membaharui permit kerja; jika ya, apakah tindakan yang diambil untuk mengatasi perkara tersebut.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Ong Ka Ting]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Dalam Negeri telah menerima laporan daripada Jabatan Imigresen Malaysia berhubung laporan yang disiarkan dalam akhbar bahawa Jabatan Imigresen telah menghilangkan passport-pasport pekerja asing. Dalam hal ini memang berlaku sebilangan kecil passport pekerja asing yang ditinggalkan di Jabatan Imigresen untuk diproses tidak dapat dikesan semasa pemegangnya atau majikannya datang untuk mendapatkan passport tersebut. Biasanya pemegang passport atau majikan diminta datang semula bagi memberi peluang kepada Jabatan Imigresen untuk mengesan passport tersebut. Jika telah berusaha passport masih belum dikesan, Jabatan Imigresen akan memberi perakuan kepada

kedutaan negara yang berkenaan untuk menasihatkan agar pemiliknya dikeluarkan pasport gantian. Namun demikian, kejadian ini tidaklah begitu serius seperti yang digambarkan. Ada juga sebahagian daripada majikan yang mengadu pasport pekerja mereka dihilangkan oleh Jabatan Imigresen itu timbul kerana majikan telah mengurus melalui agen, sedangkan agen tidak dibenarkan berurusan dengan Jabatan Imigresen dan agen yang gagal berurusan dengan Jabatan Imigresen ini telah memberi maklumat yang salah kepada majikan yang kononnya pasport pekerja mereka dihilangkan oleh Jabatan Imigresen. Keadaan sebenarnya ialah permohonan tidak dimajukan kepada Jabatan Imigresen. Bagi mengatasi kelemahan ini Jabatan Imigresen sedang berusaha untuk memproses permohonan pas pada hari yang sama, dengan ini Jabatan Imigresen tidak perlu menyimpan pasport pekerja asing, dengan pelaksanaan sistem pengkomputeran di JIM, perkara ini akan dapat dilakukan. Di samping itu majikan juga dinasihatkan untuk tidak menggunakan agen ketika berurusan dengan Jabatan Imigresen.

LAPANGAN TERBANG MIRI - RANCANGAN MEMANJANGKAN

13. Tuan Abdillah bin Haji Abdul Rahim minta Menteri Pengangkutan menyatakan adakah kerajaan mempunyai rancangan untuk memanjangkan lagi landasan lapangan terbang di Miri kerana dalam tahun ini (1997) sebuah pesawat Boeing 737 telah terbabas apabila mendarat.

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, landasan lapangan terbang di Miri berkeupayaan

untuk menampung operasi pesawat B737. Kejadian sebuah pesawat Boeing 737 yang terbabas apabila mendarat pada tahun 1997 yang lepas, bukan disebabkan oleh kekurangan landasan lapangan terbang tersebut, tetapi adalah kerana faktor kemanusiaan. Oleh yang demikian, kita tidak ada rancangan untuk membesarkan lapangan terbang ini kecuali jika pada masa depan penumpang bertambah ramai, jadi kerajaan boleh mempertimbangkan.

Datuk Haji Sairin bin Karno: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apabila disebut pesawat B737 maknanya lapangan terbang ini memang agak canggih dan boleh tahan. Malangnya saya dapati di beberapa tempat barangkali ini agak lain sedikit, tetapi mohon dijawablah, terdapat di mana tempat-tempat ini tidak ada apa yang kita panggil 'Golden Lounge'. Jadi, apakah kementerian berhasrat untuk mewujudkan tempat-tempat seumpama ini?

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perkara ini telah pun dibincangkan dalam mesyuarat kementerian, kerana memang ada satu dua airport yang tidak ada 'Golden Lounge' sedangkan ada penumpang yang 'Business Class' ataupun 'First Class' dan tindakan sedang diambil oleh MAB untuk mengadakan kawasan yang sesuai berserta dengan MAS sekali.

Tuan Yim Chee Chong: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Soalan saya bukan berkenaan dengan lapangan terbang di Miri. Soalan tambahan saya

adalah berkenaan dengan KLIA. Bilakah KLIA akan operate, sama ada bulan Januari atau bulan April tahun hadapan?

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Tuan Yang di-Pertua, insya-Allah pada bulan April 1998.

KAUNTER BERASINGAN BARANGAN 'HALAL' BAGI ORANG ISLAM

14. Puan Hajah Khadijah binti Haji Awang minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan memandangkan di setengah kedai dan pasaraya terdapat benda yang bukan halal ada dijual untuk orang bukan Islam, adakah beliau akan menentukan di masa hadapan hendaklah ada kaunter berasingan barang-barang ini dan tidak bercampur dengan kaunter barang halal bagi orang Islam.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Datuk Tan Chai Ho]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, kawal seliaan ke atas penggunaan perbhasaan 'Ditanggung Halal' pada makanan Islam atau perbhasaan lain seumpamanya pada makanan dibuat melalui satu perintah yang dinamakan Perintah Perihal Dagangan yang dibuat di bawah Akta Perihal Dagangan 1972. Tujuannya ialah untuk memastikan barang makanan yang ditanda halal, makanan Islam benar-benar halal dari segi hukum syarak. Perintah tersebut memberi takrifan khusus kepada perbhasaan 'halal' apabila digunakan pada makanan, iaitu:

- (i) makanan tersebut bukanlah dan juga tidaklah terdiri daripada atau mengandungi apa-apa bahagian atau benda dari binatang yang orang Islam dilarang memakannya atau yang tidak disembelih mengikut hukum syarak;
- (ii) tidak mengandungi apa-apa benda yang difikirkan sebagai najis mengikut hukum syarak;
- (iii) tidaklah disediakan, diproses atau dikilang dengan menggunakan apa-apa alat yang tidak bebas dari apa-apa benda najis mengikut hukum syarak dan tidaklah dalam masa menyediakan, pemrosesan atau menyimpannya itu, bersentuhan atau berdekatan dengan apa-apa makanan yang tidak memenuhi syarat-syarat yang dinyatakan itu atau apa-apa benda yang difikirkan sebagai najis mengikut hukum syarak. Tanggungjawab untuk menentukan barang makanan yang ditandakan halal itu menepati takrifan halal yang telah ditetapkan adalah terletak pada peniaga.

Dalam hubungan ini, setiap peniaga hendaklah mengambil langkah-langkah bagi menentukan barang-barang yang bertandakan halal menepati takrifan yang ditetapkan. Ini termasuklah penggunaan kaunter yang berasingan supaya pengendalian barang-barang makanan yang bertandakan 'halal' itu tidak menyebabkan barangan itu bersentuhan atau berdekatan dengan makanan yang tidak halal. Perintah itu dikuatkuasa dengan tegas oleh kementerian dengan kerjasama Jabatan Kemajuan Islam Malaysia atau Jabatan Hal Ehwal Agama

Islam Negeri-negeri. Selain daripada bertindak ke atas aduan-aduan, pegawai-pegawai kementerian juga menjalankan pemeriksaan ke atas premis-premis perniagaan dari masa ke semasa bagi menentukan perintah berhubung dengan penggunaan perbahasaan ‘halal’ dipatuhi sepenuhnya. Kementerian berpendapat pendekatan yang diambil ini adalah memadai.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut telah selesai.

[Masa untuk pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 15 hingga 43 akan dijilid dalam buku berasingan]

USUL DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 13(2)**3.32 ptg.****Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Chong Kah Kiat]:** Tuan

Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan

“Bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 13(2) Aturan Urusan Mesyuarat dan Usul-usul pada hari ini hendaklah dipinda dengan menjadikan usul Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman sebagai nombor 1 di dalam senarai Aturan Urusan Mesyuarat, dan selepas dari itu urusan-urusan lain hendaklah mengikut susunan yang seterusnya.”

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Haji**Muhamad bin Abdullah]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan. Masalahnya ialah usul yang dibuat oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri

“Bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 13(2) Aturan Urusan Mesyuarat dan Usul-usul pada hari ini hendaklah dipinda dengan menjadikan usul Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman sebagai nombor 1 di dalam senarai Aturan Urusan Mesyuarat, dan selepas dari itu urusan-urusan lain hendaklah mengikut susunan yang seterusnya.”

hendaklah diputuskan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

“Bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 13(2) Aturan Urusan Mesyuarat dan Usul-usul pada hari ini hendaklah dipinda dengan menjadikan usul Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz bin Abdul

Rahman sebagai nombor 1 di dalam senarai Aturan Urusan Mesyuarat, dan selepas dari itu urusan-urusan lain hendaklah mengikut susunan yang seterusnya.”

USUL

Sokongan Terhadap Kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Abdillah bin Abdul Rahim menyambung ucapan.

3.33 ptg.

Tuan Abdillah bin Abdul Rahim: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi saya peluang untuk menyambung semula perbahasan ke atas usul yang dibentangkan oleh Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman yang telah saya ucapkan dalam Dewan yang mulia ini pada 9 Disember 1997. Sebelum saya meneruskan ucapan saya, saya ingin memaklumkan bahawa saya juga setuju dengan hujah-hujah dan pandangan-pandangan Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain berhubung dengan usul tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, pada 9 Disember saya telah menyentuh mengenai kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad, Perdana Menteri Malaysia. Saya telah memaklumkan bahawa kepimpinan beliau adalah istimewa, kepimpinan yang berwibawa dan berkarisma. Ini dapat kita lihat dari segala pencapaian negara selama dipimpin oleh beliau, dan beliau adalah seorang pemimpin yang mudah receptive, dengan izin, ke atas perubahan dan beliau selalu

juga membuat perubahan untuk menentukan negara kita akan dapat selari dengan kemajuan dunia.

Tuan Yang di-Pertua, satu-satunya perkara yang boleh kita anggap penting pada masa ini ialah penubuhan Koridor Raya Multimedia, di mana Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir telah memaklumkan bahawa kita harus mengadakan Koridor Raya ini untuk memudahkan negara kita mempercepat pembangunan teknologi maklumat di negara kita. Sepertimana yang kita maklum teknologi maklumat adalah penting. Ianya banyak membawa perubahan dan ianya kerap berubah dari masa ke semasa. Jikalau kita tidak membuat persediaan awal dalam teknologi maklumat ini, kita akan ketinggalan. Dengan itu, maka usaha beliau mengadakan Koridor Raya Multimedia ini sangatlah dialu-alukan. Ini adalah satu lagi petunjuk mengenai kepimpinan beliau yang begitu creative, dengan izin, dan berkarisma.

Seterusnya, Tuan Yang di-Pertua, ketegasan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir dalam apa-apa perkara yang difikirnya benar dan difikirnya harus dibuat untuk kepentingan rakyat dan juga manusia seluruh dunia telah mendapat kepujian dari beberapa orang ketua negara luar. Beliau akan tetap menyuarakan ketegasan dan pendirian beliau mengenai sesuatu perkara misalnya kemasukan Cambodia dan Myanmar ke dalam ASEAN yang mana telah mendapat tentangan dari pihak Amerika. Usaha beliau di peringkat antarabangsa telah menarik minat banyak ketua negara luar dan mereka menghormati pendirian

beliau seperti yang tersiar dalam beberapa media massa di mana-mana sahaja Yang Amat Berhormat menghadiri forum international.

Tuan Yang di-Pertua, kepimpinan beliau sangatlah disanjung dan sukar ditandingi, dan atas dasar inilah maka kita memilih beliau menjadi Perdana Menteri kita. Saya fikir usaha pihak ahli Kongres Amerika untuk menyingkirkan beliau adalah satu tindakan yang kurang sopan dan tidak beradab, kerana mereka dengan beraninya mencabuli kehormatan dan kedaulatan negara kita, dan seterusnya tidak menghormati pandangan rakyat di Malaysia ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam ucapan saya ini bukanlah saya sengaja hendak mengagung-agungkan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad, tetapi saya mengagung-agungkan kepimpinan beliau membawa kita ke arah kemajuan selaras dengan kemajuan negara-negara yang maju. Dengan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong usul yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman. Sekian, terima kasih.

3.40 ptg.

Datuk Haji Abdul Majid bin Haji Baba: Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil peluang ini untuk menyokong penuh di atas cadangan yang dibuat oleh Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman bagi menyokong sepenuhnya kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad yang kita kasihi.

Tuan Yang di-Pertua, saya datang dari negeri Melaka, negeri yang bersejarah, negeri Hang Tuah, yang mana bermulanya mengisytiharkan tarikh keramat kemerdekaan negara semasa Tunku Abdul Rahman balik daripada London pada 20 Mei 1956 yang ditentukan pada 31 Ogos 1957 kita merdeka. Hari ini kita membahaskan lagi bagi menyokong penuh kepimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Semuanya melahirkan kesayangan dan kesungguhan kepada kepimpinan beliau. Kita semua merasa marah kepada 34 orang ahli Kongres Amerika Syarikat yang tidak ada hak ke atas hal-hal di dalam negara kita. Rakyat Malaysialah sendiri yang menentukan kepimpinan beliau menjadi Perdana Menteri di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, negara Malaysia telah mencapai kemerdekaan sudah 40 tahun lebih tanpa melakukan peperangan dengan sesiapa pun, tidak menggunakan senjata dan tidak menumpahkan darah setitik pun. Itu adalah kebanggaan kita, bukan sebagai bangsa lain seperti Israel dan di Afghanistan dan lain-lain negara. Afghanistan telah lama penjajah keluar tetapi tidak lagi dapat menegakkan kerajaan, masih lagi bersengketa antara satu sama lain.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan pemimpin-pemimpin negara kita bukan sahaja membela rakyatnya sendiri, malahan membantu negara-negara sahabat seperti Bosnia, Afrika Selatan, Palestin dan lain-lain negara lagi. Pemimpin negara kita Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir dan rakan-rakannya sentiasa berjaya, disanjung oleh dunia, memberi

buah fikiran yang bernas, jitu dan membanggakan dan diterima oleh dunia seperti di Sidang AFTA di Kanada, Persidangan Menteri-menteri Kewangan ASEAN '96 baru-baru ini, Persidangan Komanwel dan OIC yang sedang berjalan, dapat perhatian sepenuhnya.

Tuan Yang di-Pertua, atas kepimpinan Dato' Seri Dr. Mahathir negara kita disanjung tinggi oleh pemimpin dunia, mencontohi, mengikuti dan menladani negara Malaysia yang sedang menuju ke arah kemajuan dan kejayaan. Kita tahu boleh dikatakan setiap minggu ada sahaja pemimpin-pemimpin dunia datang melawat, juga mencontohi dan melihat keadaan Malaysia yang begitu maju sekali.

Tuan Yang di-Pertua, kita juga merasa bangga Perdana Menteri kita menerima berbagai-bagai bintang tertinggi di dunia seperti dari Arab Saudi, dari India, Kuwait, Cuba dan Afrika Selatan dan negara-negara lain. Beliau pernah dikunjungi setiap bulan, pemimpin-pemimpin datang menemui beliau kerana bertukar-tukar fikiran. Pada Persidangan OIC baru-baru ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita telah menggesa umat Islam seluruh dunia menghentikan persengketaan sesama sendiri dan bercita-cita menjadi umat yang berkuasa, menambah pengetahuan masing-masing untuk kemajuan negara masing-masing.

Saya tidak bermaksud mengambil masa yang panjang, mungkin ada kawan-kawan yang lain hendak berucap. Dengan ini saya menyokong penuh atas

cadangan sahabat saya Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman.

Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Tuan Tee Thiong Hock.

3.44 ptg.

Tuan Tee Thiong Hock: Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri di sini ingin memberitahu Dewan yang mulia ini pendirian saya yang menyokong penuh usul yang di bawah oleh Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman. Tuan Yang di-Pertua, empat puluh tahun telah berlalu sejak kita merdeka. Dalam masa ini kita sebagai rakyat Malaysia dapat hidup bersama dengan penuh harmoni serta bersama-sama, makmur, mencari rezeki dan kaya, dan apabila negara kita dilanda masalah, rakyat telah bersatu padu untuk mengatasinya. Bak kata pepatah, 'berat sama dipikul, ringan sama dijinjing.'

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya semua Ahli Dewan yang mulia ini menyokong penuh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad terus memimpin negara kita. Untuk makluman Dewan yang mulia ini masyarakat orang Tionghua bukan sahaja menyokong tetapi juga telah bersama-sama mengambil inisiatif untuk menentang krisis kewangan yang telah melanda negara kita seperti mengamalkan sikap berjimat-cermat, bekerja dengan lebih keras demi meningkatkan produktiviti, membeli barang-barang tempatan dan kurang membazir. Perkara-perkara yang disebutkan di atas merupakan langkah-langkah permulaan satu revolusi mental, dengan izin, di mana pengalaman diri dan

pembaharuan sikap merupakan asas bagi penyesuaian masyarakat dengan keadaan masa kini. Pertukaran sikap ini merupakan langkah positif yang menghala ke arah keadaan ekonomi negara stabil dan kukuh.

Di antara contoh-contoh lain yang membawa kepada deduksi ini boleh dilihat daripada penjimatan perbelanjaan dan masa majlis keramaian. Majlis-majlis ini juga telah dan akan ditamatkan pada pukul 10.00 malam dan para pemimpin tidak lagi dibenarkan sampai lewat, tidak kira berapa besar dia, tidak kira apa jawatan dia.

Tuan Yang di-Pertua, telah menjadi tanggungjawab saya sebagai seorang ahli masyarakat Tionghua untuk memaklumkan kepada Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian yang wujudnya satu jawatankuasa untuk menunjukkan, pengesyoran, penghormatan dan penyokongan rakyat kepada para pemimpin negara khususnya Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad. Jawatankuasa ini diberi nama, dalam masyarakat Tionghua, 'Pergerakan Mencintai Pemimpin Malaysia'. Ahli-ahli jawatankuasa ini terdiri daripada pemimpin masyarakat Tionghua tanpa mengira latar belakang. Pergerakan ini dipengerusikan dengan aktiviti di dalam surat khabar seperti *Nanyang Siang Pau*.

Jawatankuasa ini semuanya efektif apabila dilihat daripada aspek penyebaran maklumat sehingga langkah-langkah yang telah disyorkan untuk diambil bagi menangani masalah ekonomi negara kita telah pun disampaikan kepada masyarakat Tionghua secara menyeluruh. Hakikatnya masyarakat

Tionghua Malaysia amat mencintai negara kita dan pemimpin negara kita. Dengan sikap bekerjasama yang diamalkan oleh masyarakat Tionghua dengan penduduk Malaysia yang berbilang kaum ini masalah kemerosotan ekonomi negara kita boleh dan akan diatasi.

Tuan Yang di-Pertua, persoalannya sekarang ialah apakah yang boleh kita lakukan demi negara kita. Sekarang sampai masanya selain dari menunjukkan penyokongan yang penuh kepada Perdana Menteri kita, rakyat juga patutlah mengambil tindakan yang sesuai untuk menolong, membantu negara kita mengatasi masalahnya. Jawapannya mudah sekali. Semua rakyat haruslah bersatu padu dan memainkan peranan mereka masing-masing untuk mengatasi masalah yang kita mengalami sekarang ini. Selain dari cadangan Yang Berhormat Dato' Ghazi bin Haji Ramli, saya juga ingin mencadangkan kerana memandangkan Ahli-ahli Dewan ini dihormati dan disegani di seluruh dunia, saya mengesyorkan bahawa Senator-senator dihantar ke seberang laut untuk membaiki imej dan membetulkan pandangan ahli-ahli politik, ahli-ahli korporat kerajaan negara lain termasuk 34 orang Congressman Amerika.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya tamatkan ucapan saya dan merakamkan sokongan saya terhadap usul yang dibawa oleh Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman. Sekian, terima kasih.

3.50 ptg.

Datuk Chong Kah Kiat: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat Senator Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman terhadap ucapan Yang Berhormat Senator dalam usul menyokong pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia. Keikhlasan dan keyakinan yang telah disampaikan oleh Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz dalam ucapan beliau yang penuh bermakna membuat saya rasa tidak perlu untuk saya berucap lebih panjang. Saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah menyokong usul memberi sokongan tidak berbelah bahagi, kesetiaan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan juga Pengerusi Barisan Nasional Malaysia atas dasar bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri adalah seorang pemimpin yang terbukti mempunyai sifat-sifat yang menghormati semua kaum dan agama bukan sahaja di negara ini tetapi juga di peringkat antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, kita menyesali sikap keangkuhan dan kelancangan 34 ahli Kongres Amerika Syarikat yang tidak menghormati kedaulatan negara kita kerana menuntut Yang Amat Berhormat Perdana Menteri meminta maaf secara terbuka ataupun meletakkan jawatan terhadap tuduhan-tuduhan yang tidak pernah dilakukan. Bukan sahaja keangkuhan dan kelancangan mereka dikesali, tetapi juga kejahilan mereka terhadap usaha-usaha yang dirancangan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk menjadikan Malaysia sebuah negara dan masyarakat terdiri dari berbilang kaum, budaya dan agama dapat hidup dengan

aman damai dan saling hormat-menghormati antara satu sama lain. Jika ancaman oleh 34 ahli Kongres Amerika diteruskan dan tidak ditarik balik, maka ianya hendaklah diingat yang akibatnya kelak bukan sahaja dirasai oleh rakyat Malaysia, bahkan juga oleh rakyat negara mereka sendiri. Pihak pentadbiran Amerika Syarikat hendaklah berusaha untuk mempertingkatkan hubungan baik dengan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya yakin dan saya percaya ancaman oleh 34 ahli Kongres Amerika itu tidak akan mendorong pihak pentadbiran Amerika merosakkan hubungan antara dua buah negara. Perlu juga ditegaskan di sini yang negara kita Malaysia mempunyai hubungan rapat dengan negara-negara besar seperti negara Perancis, negara Cina dan negara Russia yang mana negara-negara ini mengakui dan mengiktiraf kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad, Perdana Menteri Malaysia. Oleh itu, saya percaya negara-negara ini jika diperlukan bila-bila masa akan memberi sokongan dan bantuan kepada negara kita Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, keperluan untuk bersatu dan menyokong Yang Amat Berhormat Perdana Menteri hendaklah diperhebatkan memandangkan kita menghadapi krisis ekonomi sekarang. Sokongan dari semua lapisan masyarakat seluruh negara hendaklah dibuktikan bukan sahaja sekadar bercakap sahaja. Untuk membuktikan ini kita hendaklah berjimat-cermat, berbelanja hanya kepada barang-barang yang diperlukan sahaja. Yang penting sekali membeli produk

keluaran negara kita sendiri, dengan izin, buy only when absolutely necessary and wherever possible buy only local produce or local product. Kita semua hendaklah menyimpan sebanyak mungkin. Inilah satu-satunya tindakan yang diharapkan oleh kita semua. Inilah yang akan dihargai.

Perlulah saya jelaskan di sini krisis ekonomi yang negara kita hadapi sekarang bukan sahaja melanda kita, tetapi seluruh Asia Timur hingga ke Korea Selatan dan Jepun. Negara kita turut terkejut kerana kesan-kesan dari teori domino negara jiran, iaitu Thailand dan Indonesia. Jika tidak dengan kebijaksanaan dan kekuatan Perdana Menteri kita yang telah menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara maju khususnya dalam dekad ini, saya percaya kita akan menjadi lebih teruk dari ini. Saya yakin dengan asas yang kukuh yang telah dibina sekian lama seperti kestabilan politik, pertumbuhan ekonomi yang pesat akan memberikan semula keadaan ini dalam masa yang singkat jika kita semua bersatu, bersabar dan bekerjasama.

Oleh itu, saya ingin menyeru kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang berada di Dewan yang mulia ini pada hari ini menyampaikan amanat penting ini di bahagian dan cawangan masing-masing dan kepada seluruh lapisan rakyat Malaysia supaya berdiri teguh dan bersatu memberi keyakinan dan sokongan penuh kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad sebagai Perdana Menteri kita. Kita tidak rela Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan

negara kita ditindas, dihina dan diperkecil-kecilkan oleh negara lain terutama oleh 34 ahli Kongres Amerika yang tidak pernah tahu keadaan di Malaysia sebenarnya.

Saya minta marilah kita semua memikul tanggungjawab ini bersama-sama Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dalam menangani krisis ekonomi yang kita hadapi sekarang. Sebelum saya undur diri saya sekali lagi ingin mengucapkan tahniah, dengan izin, congratulation, kepada Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman for very well presentation in enabling this Usul. Apa yang disampaikan oleh Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman saya menyokong penuh. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan. Masalahnya ialah usul atas nama Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman, iaitu:

“Bahawa memandangkan kepimpinan Perdana Menteri kita, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad telah pun dicabar oleh pihak-pihak tertentu seperti ahli-ahli Kongres di Amerika Syarikat dan juga oleh media massa-media-media asing, maka dengan itu kita menyeru semua Ahli Dewan Negara khasnya dan juga seluruh lapisan masyarakat untuk berdiri teguh menyokong kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad selaku Perdana Menteri dan juga menyokong penuh di

atas segala tindakan yang dilakukan bagi menentukan ekonomi, politik, agama dan juga negara terus berkembang dengan penuh kedaulatan dan mertabat sebagai sebuah negara merdeka.”

hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

“Bahawa memandangkan kepimpinan Perdana Menteri kita, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad telah pun dicabar oleh pihak-pihak tertentu seperti ahli-ahli Kongres di Amerika Syarikat dan juga oleh media massa-media-media asing, maka dengan itu kita menyeru semua Ahli Dewan Negara khasnya dan juga seluruh lapisan masyarakat untuk berdiri teguh menyokong kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad selaku Perdana Menteri dan juga menyokong penuh di atas segala tindakan yang dilakukan bagi menentukan ekonomi, politik, agama dan juga negara terus berkembang dengan penuh kedaulatan dan martabat sebagai sebuah negara merdeka.”

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG KEWANGAN (NO. 2) 1997

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.00 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya satu rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967, Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967, Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976, Akta Setem 1949, Akta Cukai Jualan 1972, Akta Kastam 1967 dan Akta Zon Bebas 1990 dibacakan buat kali kedua sekarang.

Kebanyakan pindaan-pindaan ini adalah bagi menguatkuasakan cadangan-cadangan cukai yang telah dikemukakan semasa membentangkan Belanjawan 1998 baru-baru ini. Di sini saya memohon memberi penjelasan mengenai beberapa perkara penting dengan dikemukakan melalui rang undang-undang ini.

Bab I rang undang-undang ini adalah merupakan pengenalan kepada skop pindaan yang terlibat di bawahnya. Bab II rang undang-undang ini adalah berkenaan pindaan-pindaan kepada Akta Cukai Pendapatan 1967. Bab-bab

seterusnya adalah mengenai; Bab III adalah pindaan kepada Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967. Bab IV adalah pindaan kepada Akta Keuntungan Harta Tanah 1976. Bab V adalah pindaan kepada Akta Setem 1949. Bab VI adalah pindaan kepada Akta Cukai Jualan 1972. Bab VII adalah pindaan kepada Akta Kastam 1967, dan Bab VIII adalah pindaan kepada Akta Zon Bebas 1990.

Tuan Yang di-Pertua, mulai tahun taksiran 1995 pendapatan dari sumber asing yang dibawa masuk oleh sebuah syarikat bermastautin tidak dikenakan cukai pendapatan, kecuali pendapatan dari perniagaan insurans perbankan dan pengangkutan laut dan udara yang dikenakan cukai mengikut skop sedunia. Peruntukan mengenai perkara ini adalah disediakan di bawah seksyen 3C, Akta Cukai Pendapatan 1997. Dividen yang diagihkan dari pendapatan tersebut juga dikecualikan cukai. Walau bagaimanapun, keputusan dasar untuk mengecualikan keuntungan sumber asing yang dibawa masuk dan juga dividen yang diterima dari sumber asing itu oleh syarikat pemegang saham tidak dapat dilaksanakan kerana seksyen 3C, Akta Cukai Pendapatan 1967 tidak mengambil kira perjalanan sistem implikasi.

Bagi mengemaskinikan kedudukan ini pindaan Fasal 4 dibuat untuk memansuhkan peruntukan seksyen 3C. Dengan pemansuhan ini mulai tahun taksiran 1998 pengecualian cukai ke atas pendapatan dari sumber asing itu dan juga dividen yang diagihkan kepada pemegang syarikat berkaitan akan diberi melalui perintah pengecualian yang akan dikeluarkan kelak. Selaras dengan usaha

kerajaan untuk melibatkan rakyat semua lapisan menjayakan program Koridor Raya Multimedia dan bagi menggalakkan pemilikan komputer peribadi oleh setiap keluarga.

Fasal 5 bertujuan memasukkan subseksyen baru 6A (3A) yang memperuntukkan bahawa terlibat sebanyak RM400 diberikan kepada individu pemastautin, berkenaan dengan pembelian komputer peribadi. Rebat ini akan diberi sekali dalam tempoh lima tahun. Manakala Fasal 6 pula bertujuan memasukkan seksyen baru 6C yang memperuntukkan bahawa individu yang telah membayar levi bagi pengeluaran pas kerja di bawah Akta Fee 1951 adalah layak untuk menuntut levi itu sebagai rebat setakat cukai pendapatan yang dikenakan.

Pada masa kini caruman majikan kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dalam skim yang diluluskan telah diberi potongan bagi maksud cukai pendapatan sehingga 17% daripada gaji seseorang kakitangan. Daripada jumlah itu 12% adalah caruman mandatori dan 5% lagi adalah sukarela. Sebagai langkah untuk meningkatkan tabungan negara, Fasal 9(a) bertujuan meminda perenggan 34(4)(a) supaya potongan bagi caruman majikan kepada skim diluluskan ditingkatkan dari 17% kepada 19%.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai langkah untuk menggalakkan sektor swasta berganding bahu dengan agensi kerajaan bagi memperluaskan lagi aktiviti dan program kebudayaan, Fasal 9(d) bertujuan memasukkan perenggan baru (k) di bawah subseksyen 34(6). Dengan ini perbelanjaan yang dilakukan oleh syarikat

sehingga RM200,000 untuk menganjurkan atau menaja apa-apa aktiviti kesenian atau kebudayaan yang diluluskan oleh Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan adalah layak diberi potongan cukai bagi maksud Cukai Pendapatan.

Fasal 10 pula bertujuan memasukkan subseksyen baru 39(1)(h) Akta, supaya bayaran bonus kepada kakitangan yang melebihi dua bulan gaji dalam sesuatu tahun dibenarkan sebagai potongan untuk maksud pengenaan cukai pendapatan majikan berkenaan. Langkah ini dijangka dapat mengawal pembayaran bonus yang agak berlebihan supaya keuntungan yang diperolehi sebahagian besarnya dilaburkan semula di dalam perniagaan bagi meningkatkan lagi daya pengeluaran.

Di dalam Belanjawan 1996 pengumuman telah dibuat supaya sumbangan syarikat kepada projek kebajikan dan kemasyarakatan yang diluluskan dalam bidang kesihatan, pendidikan, perumahan serta infrastruktur dan kemudahan awam diberi potongan bagi maksud Cukai Pendapatan.

Sebagai usaha untuk menggalakkan sumbangan dari pihak individu pula, Fasal 11 bertujuan memasukkan subseksyen baru 44(9) untuk membenarkan potongan cukai ke atas derma wang tunai atau barangan yang diberikan oleh individu bagi menyediakan kemudahan di tempat awam untuk manfaat golongan yang kurang berupaya. Manakala subseksyen baru 44(10) adalah untuk membenarkan potongan cukai bagi derma wang tunai atau hadiah peralatan perubatan yang diberikan oleh seseorang individu sehingga RM20,000 kepada

mana-mana kemudahan penjagaan kesihatan yang diluluskan oleh Kementerian Kesihatan.

Di samping itu, Fasal 11 juga bertujuan untuk meminda subseksyen 44(6A) supaya potongan bagi maksud cukai pendapatan kepada syarikat atau individu bagi sumbangan artifek atau manuskrip diperluaskan untuk meliputi sumbangan lukisan kepada kerajaan mengikut nilai yang ditentukan oleh Jabatan Muzium dan Antikuiti atau Arkib Negara. Fasal 11 juga seterusnya memasukkan subseksyen 44(9) supaya potongan daripada pendapatan diberi pada hadiah lukisan kepada Balai Seni Lukis Negara atau Balai Seni Lukis Negeri.

Pada masa ini ibu bapa yang menghantar anak belajar ke luar negara diberi pelepasan cukai dua kali ganda kadar pelepasan anak. Sebagai usaha untuk mengurangkan bilangan pelajar-pelajar tempatan yang akan melanjutkan pelajaran di luar negara, Fasal 12 bertujuan meminda subseksyen 48(3) supaya hanya potongan biasa akan dikenakan berkenaan dengan anak yang menerima pendidikan lanjutan di luar Malaysia mulai dari 17 Oktober 1997.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai langkah untuk membangunkan industri insurans semula hayat, Fasal 13 bertujuan untuk memasukkan subseksyen 60(5C) dan 60(6C) untuk menyediakan peruntukan layanan cukai khusus untuk pendapatan perniagaan insurans semula hayat dan pendapatan perniagaan insurans semula hayat alir masuk. Selaras dengan langkah untuk memperkemas dan memendekkan tempoh penyimpanan rekod-rekod perniagaan, Fasal 15

bertujuan meminda seksyen 91 untuk memendekkan tempoh satu taksiran cukai pendapatan itu boleh dibangkitkan oleh Ketua Pengarah dari 12 tahun ke 6 tahun. Pindaan ini berkuatkuasa mulai dari 1 Januari 1999.

Seterusnya Fasal 16 bertujuan memasukkan subseksyen 108(2E) supaya cukai dipotong ke atas dividen yang diterima oleh pemegang saham dalam tahun 1997 serta dividen yang dibayar oleh syarikat bagi maksud seksyen 108(4) dianggap seolah-olah telah dipotong pada kadar 28%.

Fasal 17 bertujuan untuk meminda subseksyen 110(1) supaya kenaikan dalam amaun yang dirujuk di bawah subseksyen 109(2) dan 109B(2) iaitu mengenai cukai pegangan ke atas royalti dan beberapa jenis pendapatan tidak akan diambil kira bagi maksud penolakan cukai. Fasal 17 juga memperkenalkan subseksyen 110(1)(a) sebagai tolakan cukai ke atas dividen yang diterima oleh pemegang saham dalam tahun 1997 adalah seolah-olah telah dibuat pada kadar 28% selaras dengan penurunan kadar cukai korporat kepada 28% mulai tahun taksiran 1998.

Bagi menjamin keberkesanan kaedah kutipan hasil, satu peruntukan panel perlu diwujudkan supaya majikan akan lebih bertanggungjawab dalam urusan menjelaskan cukai pekerja. Dengan ini Fasal 18 bertujuan meminda seksyen 120(e) untuk membolehkan Ketua Pengarah mengambil tindakan mahkamah terhadap majikan yang gagal mematuhi arahan di bawah subseksyen 83(b)

meremitkan dalam tempoh yang ditetapkan gaji pekerja yang ditahan bagi tujuan menjelaskan cukai.

Fasal 19 bertujuan untuk meminda perenggan 2, Bahagian 1, Jadual 1 kepada Akta untuk memperuntukkan bahawa kadar cukai bagi syarikat badan amanah, pentadbiran dalam hal simati yang berdomisili di luar Malaysia semasa kematiannya dikurangkan daripada 30% kepada 28%.

Fasal 20 bertujuan meminda perenggan 37C, Jadual 3 Akta supaya perbelanjaan modal yang dilakukan berkenaan dengan bangunan yang digunakan untuk menyimpan barang-barang untuk eksport atau barang-barang import yang akan diproses dan diedarkan atau dieksport semula layak mendapat elaun bangunan industri pada kadar 10%. Langkah ini dijangka akan dapat menggalakkan pelaburan untuk menyekatkan kemudahan penggudangan di negara ini.

Fasal 21 bertujuan meminda Jadual 7A Akta yang mana perenggan 1 dan 1A dipinda untuk memasukkan syarat tambahan bagi syarikat pemastautin untuk menuntut elaun pelaburan semula EPS. Pindaan ini mensyaratkan supaya EPS layak dituntut hanya oleh syarikat-syarikat yang telah beroperasi tidak kurang dari 12 bulan dan menunjukkan peningkatan produktiviti. Manakala perenggan 2 diganti dengan perenggan yang baru untuk memperuntukkan bahawa tuntutan EPS dibenarkan bagi lima tahun berturut-turut bermula dari tahun pertama pelaburan EPS dibuat. Perenggan 2A dimasukkan untuk memperuntukkan bahawa aset yang

diperolehi di bawah EPS tidak boleh dilupuskan dalam tempoh dua tahun. Perenggan 3 pula dipinda untuk membolehkan syarikat yang telah mencapai tahap produktiviti yang ditentukan layak menikmati EPS tanpa sebarang sekatan. Perenggan 8A dipinda untuk masukkan automasi dalam takrif projek yang layak mendapat EPS.

Tuan Yang di-Pertua, Bab III rang undang-undang ini adalah berkenaan dengan pindaan-pindaan Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1997. Fasal 23 bertujuan meminda perenggan 3(a) dalam seksyen 16 untuk meningkatkan kadar caruman maksimum majikan kepada skim diluluskan yang dibenarkan sebagai potongan dari 17% kepada 19% daripada gaji seseorang kakitangannya. Fasal ini juga bertujuan memasukkan subseksyen 7E untuk membenarkan potongan bagi perbelanjaan yang dilakukan oleh syarikat sehingga RM200,000 untuk menganjurkan apa-apa aktiviti kesenian atau kebudayaan yang diluluskan oleh Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan.

Selaras dengan pindaan di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967, Fasal 24 bertujuan memasukkan subseksyen baru 18(1)(l) supaya potongan cukai yang dibenarkan bagi majikan ke atas bayaran bonus kepada pekerjaannya adalah terhad kepada dua bulan, iaitu bersamaan 2/12 daripada upah atau gaji dalam satu tahun yang dibayar kepada pekerja.

Fasal 25 bertujuan meminda subseksyen 22(1)(a) supaya hadiah lukisan juga dibenarkan sebagai potongan mengikut nilai yang ditentukan oleh Jabatan

Muzium dan Antikuiti atau Arkib Negara, iaitu bagi memberi layanan yang sama seperti hadiah artifak dan manuskrip yang telah dibenarkan sebagai potongan. Fasal ini juga bertujuan memasukkan subseksyen baru 22(1)(b), 22(1)(c) dan 22(1)(d) untuk membenarkan potongan ke atas derma wang tunai atau sumbangan manfaat untuk menyediakan kemudahan di tempat awam bagi golongan kurang upaya, derma wang tunai atau hadiah peralatan perubatan kepada kemudahan penjagaan kesihatan sehingga RM20,000 dan juga hadiah lukisan kepada Balai Seni Lukis Negara atau Balai Seni Lukis Negeri.

Pada masa ini, syarikat yang terlibat dalam aktiviti carigali dan pengeluaran petroleum adalah tertakluk kepada cukai pendapatan petroleum kepada kadar 40%. Bagi menggalakkan syarikat minyak memajukan medan minyak marginal, meningkatkan usaha, mencari gali medan minyak baru, Fasal 26 bertujuan meminda subseksyen 23(1) supaya kadar cukai pendapatan petroleum dikurangkan sebanyak 2% kepada 38%.

Fasal 27 bertujuan untuk meminda seksyen 39 supaya tempoh sesuatu taksiran dan taksiran tambahan boleh dibangkitkan, dikurangkan dari 12 tahun kepada 6 tahun selaras dengan pindaan yang telah dibuat ke atas Cukai Pendapatan 1997.

Bab IV adalah berkenaan pindaan kepada Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah (CKHT) 1976. Fasal 30 bertujuan meminda seksyen 15 untuk memendekkan tempoh sesuatu taksiran itu boleh dibangkitkan dari 12 tahun

kepada 6 tahun selaras dengan pindaan tempoh yang sama di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967 dan Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967.

Untuk mengurangkan manipulasi dan untuk menyeragamkan kelainan cukai di bawah Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah (CKHT) bagi syarikat harta tanah dengan individu yang melupuskan harta tanah, Fasal 31 bertujuan meminda Perenggan 33A(3), Jadual 2 Akta CKHT untuk menetapkan kos pemerolehan (chargeable asset) kepada kos sebenar, kecuali dalam kes di mana sesebuah syarikat itu menjadi Syarikat Harta Tanah (SHT) yang mana kos pemerolehan chargeable asset adalah berasaskan nilai hartanah atau kos saham SHT pada tarikh syarikat itu menjadi SHT. Keuntungan pelupusan harta tanah dikenakan CKHT pada kadar 5% hingga 35% bagi syarikat di antara 0% hingga 35% bagi individu pemastautin bergantung kepada tempoh pegangan, pemilikan dari tarikh harta tanah berkenaan diperolehi.

Walau bagaimanapun, individu bukan warganegara dan bukan pemastautin tetap dikenakan CKHT pada satu kadar sahaja, iaitu 30% tanpa mengambil kira tempoh pegangan pemilikannya. Selaras dengan kelonggaran yang diberi ke atas syarat perolehan harta tanah oleh kepentingan asing kebelakangan ini, Fasal 32 mencadangkan pindaan kepada Bahagian 3, Jadual 5 Akta supaya kadar cukai yang terpakai bagi pelupus individu yang bukan warganegara dan bukan pemastautin tetap dikenakan cukai pada kadar 5% jika pelupusan dibuat selepas tahun kelima dari tarikh pemerolehan harta tanah berkenaan.

Bab V adalah berkenaan pindaan Akta Setem 1949. Fasal 34 bertujuan untuk meminda subseksyen 25(2) Akta untuk menaikkan fee adjudikasi daripada RM1.00 kepada RM10.00 supaya selaras dengan kadar fee adjudikasi di bawah subseksyen 36(1) Akta pindaan ini berkuatkuasa mulai 1 Januari 1998.

Tuan Yang di-Pertua, Bab VI adalah berkenaan pindaan Akta Cukai Jualan 1972. Pada masa ini pengilangan barangan bercukai jualan yang mempunyai nilai jualan kurang daripada RM100,000 setahun adalah dikecualikan dari lesen di bawah Akta Cukai Jualan 1972. Dengan itu syarikat tidak layak mendapat input bebas dari cukai jualan tetapi keluarannya adalah tidak tertakluk kepada cukai jualan. Sebagai langkah untuk meringankan beban pengilang-pengilang kecil daripada dikenakan cukai jualan up front ke atas inputnya, Fasal 36 bertujuan meminda seksyen 14 Akta untuk membolehkan mereka mempunyai pilihan sama ada untuk dilesenkan di bawah Akta Cukai Jualan 1972 untuk mendapat input-input bebas dari cukai atau untuk terus dikenakan cukai jualan di peringkat out-put seperti amalan semasa.

Bab VII adalah berkenaan pindaan kepada Akta Kastam 1967. Adalah didapati pelaksanaan pelepasan dagangan yang diamalkan sekarang masih mempunyai ruang untuk diperbaiki supaya perkhidmatan serta kemudahan pelepasan dapat dipertingkatkan dan masa bagi pelepasan perdagangan dapat disingkatkan. Dengan ini, Fasal 39 hingga 46 adalah bertujuan meminda seksyen 21, 24, 29, 35, 66(1), 80(2), 87A dan 91A Akta, iaitu berkaitan dengan pindaan

kepada beberapa prosedur yang diamalkan oleh Jabatan Kastam bagi pelepasan dagangan eksport dan import agar proses pelepasan boleh dipercepatkan.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut perjanjian GATT 1994 negara-negara anggota dikehendaki melaksanakan sistem penilaian Kastam di bawah Perjanjian Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) mulai Januari 1995. Walau bagaimanapun, bagi negara-negara membangun perjanjian membenarkan pelaksanaan yang ditangguhkan selama lima tahun dari tarikh tersebut. Ini bermakna bahawa Malaysia diberi masa sehingga tahun 2000 untuk melaksanakannya. Tarikh pelaksanaan sistem penilaian Kastam ini akan ditetapkan kemudian oleh Menteri Kewangan. Pada masa ini penilaian Kastam adalah berasaskan kepada Brussel Definition Value (BDV) di mana pihak Kastam menentukan nilai Kastam ke tahap pasaran terbuka (open market). Jika harga ikrar tidak mencapai konsep harga pasaran terbuka, pihak Kastam akan membuat penyesuaian harga melalui kaedah agency up-lift dan penaksiran semula. Sementara penilaian Kastam di bawah perjanjian WTO adalah berdasarkan harga yang sebenar dibayar atau kena bayar oleh pengimportan dengan beberapa penyesuaian yang ditetapkan. Sekiranya penyesuaian tidak dapat ditentukan semasa diimport maka penyesuaian dibuat kemudian oleh unit Post Importation Audit.

Dengan itu, Fasal 38, 47, 48, 49, 51 dan 52 bertujuan untuk meminda subseksyen 2(1) dan subperenggan 115(1)(b)(i) dan juga mewujudkan seksyen

baru 125A, 142, 35B dan 193A iaitu berkaitan dengan pematuhan kaedah penilaian baru oleh Malaysia bagi barang-barang yang diimport.

Bab VIII adalah berkenaan pindaan kepada Akta Zon Bebas 1990, Fasal 24 dan 25 bertujuan untuk meminda subseksyen 2(1) dan subperenggan 27(1)(b)(i) iaitu berkaitan dengan pematuhan kaedah penilaian baru oleh Malaysia bagi barang-barang yang diimport sebagaimana yang telah dipersetujui oleh perjanjian di bawah Perjanjian WTO.

Fasal 45 dan 50 adalah berkaitan dengan pindaan kecil atau berbangkit sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Datuk Chong Kah Kiat: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967, Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967, Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976, Akta Setem 1949, Akta Cukai Jualan 1972, Akta Kastam 1967 dan Akta Kastam 1967 dan Akta Zon Bebas 1990 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Dato' T. Marimuthu.

4.25 ptg.

Dato' T. Marimuthu: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya ingin merujuk kepada Fasal 12 dalam Rang Undang-undang Kewangan (No. 2) di mana

potongan biasa dalam cukai pendapatan ibu bapa dibenarkan dengan anak yang menerima pendidikan lanjutan di luar Malaysia. Pada masa kini 50,000 penuntut melanjutkan pendidikan tinggi mereka di luar negeri. Sebahagian besar bilangan daripada ini dipaksa keluar negeri oleh kerana mereka tidak mendapat peluang di institusi-institusi pengajian tinggi negara kita. Sebagai contoh, pada tahun sesi akademik 1997, 1998, 29,575 penuntut mendapat tempat daripada 39,869 pemohon. Sebanyak 10,293 tidak berjaya mendapat peluang bagi melanjutkan pendidikan tinggi mereka. Calon-calon inilah mencari tempat di institut pengajian tinggi swasta dan juga universiti-universiti di luar negeri.

Cadangan Yang Berhormat Menteri Pendidikan untuk memberi kebenaran kepada institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) menjalankan kursus-kursus di peringkat ijazah adalah wajar dalam konteks kemerosotan nilai mata wang kita. Peratusan pengambilan di institut pengajian tinggi awam juga akan ditinggikan 15% lagi. Apa yang saya khawatiri adalah kekurangan kemudahan-kemudahan dan infrastruktur pendidikan untuk menangani enrolmen yang begitu tinggi. Saya harap kualiti proses pengajaran dan pembelajaran di kedua-dua institut pengajian tinggi, iaitu swasta dan awam dikawal dengan bijaksana. Peruntukan untuk infrastruktur seperti dewan-dewan kuliah, makmal-makmal, asrama-asrama dan juga perpustakaan harus diberi untuk menjamin kualititi pendidikan. Kementerian Pendidikan harus memberi nasihat dan pertolongan kepada semua institusi pengajian tinggi supaya mereka boleh menunaikan tanggungjawab mereka kepada rakyat dan negara.

Pada masa sekarang kadar pertukaran mata wang asing adalah RM3.10 untuk US\$1.00.

Seorang Ahli: *[Menyampuk]*

Dato' T. Marimuthu: Berapa?

Seorang Ahli: *[Menyampuk]*

Dato' T. Marimuthu: I don't know. Pada masa sekarang berapa? RM3.9

Timbalan Yang di-Pertua: Kadar pagi ini.

Dato' T. Marimuthu: Untuk 1 Pound Sterling adalah RM6.40. Untuk US Dollar peningkatan ataupun kemerosotan adalah 56% dan untuk Pound Sterling peningkatan adalah 60%. Kemerosotan nilai Ringgit Malaysia telah menyusahkan majoriti ibu bapa yang mempunyai anak-anak yang melanjutkan pendidikan mereka di luar negeri. Kita mempunyai suatu kerajaan yang begitu sensitif kepada rintangan-rintangan yang dialami oleh rakyat kita dan mengambil tindakan yang sewajarnya. Oleh sebab itu, saya minta Kementerian Kewangan menyemak semula fasal ini atas permintaan daripada majoriti ibu bapa.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang saya ingin menyentuh adalah mengenai dana IMF dan masalah-masalah yang dihadapi oleh kita mengenai kemerosotan nilai mata wang. Seperti yang telah disebutkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri apabila beliau membentangkan Rang Undang-undang Perbekalan 1998 pada minggu yang lalu, dan dalam sesi itu Timbalan Perdana Menteri telah memberi tumpuan khusus kepada krisis kewangan yang melanda negara kita dan juga negara-negara di rantau Asia Timur.

Beberapa langkah yang baru dan berani telah dicadangkan untuk mengatasi masalah ini dan apa yang kita alami pada masa sekarang ialah apa yang kita boleh katakan crisis of confidence ataupun krisis keyakinan. Saya percaya langkah-langkah yang telah diambil oleh kerajaan akan meningkatkan taraf keyakinan. Beberapa pakar ekonomi mencadangkan bahawa untuk menyelesaikan krisis kewangan di negara-negara Asia, sistem perbankan harus dibuka untuk orang asing, percantuman bank-bank harus berlaku, pengurusan atas bank-bank harus

diketatkan dan transparency dalam kegiatan bank ditinggikan dan putuskan perhubungan di antara politik dan perbankan.

Cadangan seperti penukaran wang asing yang fleksibel, pasaran terbuka, kekurangan import, mempertingkatkan penyimpanan dan ketiadaan sekatan persendirian akan memenuhi syarat-syarat pemulihan ekonomi kita. Satu artikel daripada majalah *Economist* mencatatkan kadar pinjaman yang tidak berbayar iaitu Non Performing Loans (NPL) adalah seperti berikut di rantau ini:-

Thailand	-	19%
Indonesia	-	18%
Korea Selatan	-	17%
Malaysia	-	16%
Filipina	-	14%
Singapura	-	4%
Amerika Syarikat	-	1%

Tetapi satu kenyataan daripada Bank Negara menyatakan NPL pada masa kini adalah 4.3% sahaja dan nilai saham yang digunakan sebagai cagar adalah 146% daripada jumlah nilai pinjaman. Institusi-institusi kewangan telah pun dikurangkan daripada 48 kepada 38 institusi. 25% bank adalah dimiliki oleh pelabur asing. Seorang pakar ekonomi dari University Harvard, Profesor Jafferey Sacks menyatakan bahawa ekonomi Asia adalah kukuh di mana penyimpanan adalah tinggi, inflasi adalah rendah, adanya budget surplus dan prospek untuk pertumbuhan adalah tinggi. Beliau berpendapat bahawa syarat-syarat yang

dikenakan oleh IMF untuk memberi pinjaman adalah tidak wajar dan sesuai untuk ekonomi Asia.

Beliau tidak bersetuju dengan langkah-langkah yang diambil oleh IMF seperti penutupan bank, meninggikan kadar cukai dan memperlahankan pertumbuhan ekonomi mereka. Strategi ini akan memburukkan ekonomi mereka dan bukan memperbaiki keadaan ekonomi. Pengalaman Korea Selatan, Thailand dan Indonesia membuktikan saranan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita, Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad dan pakar-pakar ekonomi seperti Jafferey Sacks. Pengalaman negara-negara yang telah mendapat bantuan daripada IMF tidak membantu memulihkan ekonomi mereka tetapi menjadikan keadaan semakin parah.

Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir telah menyuarakan beberapa kali bahawa kita tidak memerlukan bantuan IMF dan kita harus mencari jalan yang lain - we will resist it as much as possible, dengan izin. Saya bersetuju penuh dengan tindakan yang diambil oleh kerajaan tanpa bantuan IMF. Untuk menyokong tindakan-tindakan yang diambil oleh kerajaan, rakyat jelata memerlukan pemikiran yang waras dan berbeza mengikut keadaan ekonomi pada masa kini dan mengambil tindakan yang sewajarnya, kita memerlukan satu 'paradigm shift' ataupun apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Puan Kamalia itu 'paradigm change', maksud yang sama dalam pemikiran dan tingkah laku kita, kita harus meninggikan paras penyimpanan dan mengurangkan perbelanjaan

consumers, consumers spending per kapita adalah terlalu tinggi dan ini boleh dikurangkan. Dalam musim perayaan seperti Hari Krismas, Hari Raya Aidilfitri dan Tahun Baru Cina, perbelanjaan boleh dikurangkan.

Jika seseorang individu di negara ini menjimatkan wang dan tenaga dan sumber-sumber yang lain, kita boleh menolong kerajaan kita menangani masalah kewangan yang kita alami. Satu cadangan yang saya ingin utarakan di sini untuk menangani masalah ekonomi kita dan menarik 'foreign direct investment' ialah pemberian 'Permanent Resident' status ataupun PR status kepada pelabur asing seperti diamalkan oleh beberapa negara seperti Phillipines, Singapura, Thailand, Australia, New Zealand, Kanada, United Kingdom dan Amerika Syarikat. Sebagai contoh, Kerajaan Singapura memberi PR status kepada pelabur asing yang membawa deposit S\$1 million kepada Kerajaan Singapura. Pelaburan di negara berlaku dengan nasihat daripada kerajaan. Pada masa kini, negara kita mempunyai 2 juta pekerja asing di mana majoriti mempunyai kemahiran yang rendah tetapi pelabur-pelabur asing boleh membawa bukan sahaja wang mereka tetapi kemahiran dan pengalaman mereka kepada negara kita. Mereka adalah the knowledge workers yang diperlukan oleh beberapa sektor ekonomi kita, kita pun boleh imposekan beberapa syarat atas mereka. Jika kita memberi PR status kepada 10,000 orang yang melaburkan RM1 juta setiap orang, kita dapat RM10 bilion sebagai FDI.

Saya amat sensitif mengenai implikasi politik iaitu the political arithmetic of numbers di negara yang majmuk ini, tetapi 10,000 orang daripada 20 milion penduduk tidak akan menjejaskan ketenteraman dan keharmonian negara kita. Juga kita boleh memilih sesiapa yang kita akan memberi PR status. Saya harap kerajaan akan memberi perhatian kepada cadangan ini.

Tuan Yang di-Pertua, dengan itu saya menyokong rang undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Charern Intachat.

4.37 ptg.

Tuan Charern Intachat: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya ingin turut membahaskan Rang Undang-undang Kewangan (No.2) 1997. Saya cuma menyentuh pindaan kepada Akta Cukai Jualan 1972 dan pindaan kepada Akta Kastam 1967.

Akta Cukai Jualan 1972. Mengikut huraian yang diberi tentang pindaan Akta Cukai Jualan 1972 Fasal 36 Bab VI bertujuan meminda seksyen 14 Akta untuk membolehkan pengilang barang-barang kena cukai yang mempunyai nilai jualan tahunan kurang daripada RM100,000 mempunyai pilihan sama ada hendak dilesenkan di bawah akta supaya bahan mentah dan komponennya bebas daripada cukai jualan. Kemudahan ini adalah sama seperti kemudahan yang diberikan kepada pelesen yang mempunyai nilai jualan tahunan melebihi RM100,000.

Pengilang yang membuat pilihan ini akan dikenakan cukai jualan atas barang-barang yang dihasilkan.

Tuan Yang di-Pertua, ini bermakna kalau tidak dilesenkan, pengilang kena bayar cukai jualan ke atas bahan-bahan mentah yang bercukai. Tetapi barang-barang pengilangannya tidak kena cukai jualan. Jikalau pengilang memilih untuk dilesenkan seperti yang diperuntukkan di dalam pindaan rang undang-undang, ia tidak kena bayar cukai jualan ke atas bahan-bahan mentah, tetapi kena bayar cukai jualan ke atas barang-barang yang dikilang.

Tuan Yang di-Pertua, tentu sekali cukai jualan yang dikenakan ke atas barang siap akan melebihi jumlah cukai jualan yang dikenakan ke atas bahan-bahan mentahnya kerana terpaksa diambil kira kesemua kos bahan mentah, pengilangan dan pelbagai nilai tambahan atau dengan izin, value-added. Jadi, pengilang manakah yang akan memilih untuk kilangnya dilesenkan dengan menambah bayaran cukai jualan ke atas barang pengilangannya. Jika ia tidak dilesenkan, barang siapnya boleh dijual dengan lebih murah, mungkin ada sebab-sebab tertentu atau ada rasionalnya pindaan ini dibuat, kalau tidak ada sebab-sebabnya mengapakah pindaan ini dibuat. Saya pohon Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan memberi sedikit penjelasan tentang perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan pindaan Akta Kastam 1967 pula, saya bersetuju dan menyokong pindaan yang dibuat untuk memberi kemudahan

atau to facilitate, dengan izin, kepada pengimport tentang prosedur perkastaman ialah Fasal 39 hingga 46 Bab VII rang undang-undang ini. Bagaimanapun berkenaan dengan Fasal 37, 38 dan Fasal 47 hingga 52 yang menyentuh tentang pindaan-pindaan ke atas Akta Kastam, selaras dengan Perjanjian World Trade Organisation (WTO), dengan izin, saya berpendapat walaupun kita telah bersetuju dan harus mematuhi perjanjian ini tetapi saya difahamkan Jabatan Kastam belum lagi bersedia untuk melaksanakan peraturan baru ini.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut Fasal 37, penilaian barang-barang yang diimport sebagaimana yang dikehendaki di bawah Perjanjian WTO akan bermula pada 1 Januari 1998. Kaedah penilaian baru ini belum lagi difahami dengan baik oleh pegawai-pegawai kastam dan akan menyebabkan hasil pungutan cukai import jatuh menjunam kerana pihak kastam dikehendaki menerima harga barang yang diikrar oleh pengimport dengan tidak dibuat penaksiran semula dan mengambil kira tentang kos-kos tambahan seperti yang diamalkan sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan negara kita diberi sehingga tahun 2000 untuk melaksanakan Perjanjian WTO ini. Dalam keadaan ekonomi sekarang di mana kerajaan memerlukan hasil dari pungutan cukai seperti cukai import ini dan juga pihak kastam belum bersedia, tidakkah boleh pelaksanaan Perjanjian WTO ini ditangguhkan dahulu. Mungkin ada sebab-sebab tertentu yang kerajaan hendak pihak kastam memulakan peraturan baru ini pada 1 Januari 1998.

Akhirnya, saya minta pihak Kementerian Kewangan menyatakan bilakah kita hendak tukar ke sistem percukaian Value-Added Tax (VAT), dengan izin, yang saya rasa lambat laun negara kita terpaksa juga memakai sistem percukaian ini kerana lama-kelamaan kita tidak boleh lagi bergantung kepada hasil dari cukai import. Setahu saya, sistem percukaian ini adalah lebih efisien dan pungutan cukai yang menyeluruh dan boleh mengurangkan penyelewengan, banyak negara di dunia ini telah pun menukar ke sistem VAT ini. Sekianlah sahaja pendapat dan pandangan saya dan saya menyokong Rang Undang-undang Kewangan (No.2) 1997. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Aziz bin Abdul Rahman.

4.45 ptg.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya juga turut mengambil bahagian untuk menyokong Rang Undang-undang Kewangan (No.2) 1997.

Rang undang-undang yang dikemukakan sebentar tadi jelas mencerminkan keikhlasan kerajaan untuk mengatasi masalah ekonomi semasa. Kita dapati dari segi temanya ialah untuk hendak menguatkan kuasa pihak kerajaan dari segi akta ini terutama sekali bagi memberikan kemudahan tertentu kepada pihak swasta dan juga kepada rakyat jelata. Saya amat tertarik hati dengan pendekatan kerajaan untuk melibatkan pihak swasta dari segi dua, tiga perkara. Yang pertama, kita

perhatikan fasal-fasal tertentu di dalam rang undang-undang ini yang memberi peluang kepada pihak swasta atau orang persendirian untuk dilepaskan cukai apabila mereka menderma atau membeli alat-alat terutama sekali seperti alat-alat perubatan tetapi jumlah RM20,000 ini saya berpendapat mungkin dalam keadaan sekarang ini tidaklah begitu tinggi kerana saya diberitahu satu alat 'hidromalisis'

Timbalan Yang di-Pertua: Haemodialysis.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Ya, haemodialysis, ubat kidney ini, alat haemodialysis yang bersangkutan paut untuk hendak menukar darah yang kotor kerana bermasalah dengan buah pinggang, tak tahu apa sebab buah pinggang bermasalah. Jadi, saya difahamkan satu unit RM20,000 hingga RM25,000, jadi elok sangatlah kalau pihak kerajaan dapat menimbangkan tahap maksimum ini dipertingkatkan lagi, sekurang-kurangnya seseorang itu boleh menderma satu unit mesin kepada pesakit yang terlibat di dalam masalah buah pinggang ini dan pendekatan baru ini juga memberi peluang kepada pihak swasta memainkan peranan dari segi meningkatkan seni budaya negara kita. Ini sejajar sekali dengan kebangkitan Asia seperti yang dibukukan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar kita dalam buku *The Asian Renaissance* di mana salah satu cara hendak membangkitkan Asia ini, renaissance Asia ialah mempunyai, dengan izin, patrons dalam bidang seni budaya.

Jadi, kalau sekiranya mereka ini menyumbangkan RM200,000 dan sebagainya dan mendapat pelepasan cukai, saya beranggapan banyaklah gedung-gedung dan menara-menara yang diisi dan dipenuhi oleh seni lukis tempatan, di mana sekarang ini saya perhatikan harga sebuah karya lukisan terutama oleh Latif Mohideen misalnya, boleh meningkat sampai ratus ribu ringgit. Jadi, ini menunjukkan bahawasanya kegiatan pihak swasta seperti Petronas, Maybank dan sebagainya selain membuat keuntungan, mereka juga berwaspada dari segi hendak meningkatkan lagi tahap pencapaian nilai seni negara kita yang tercinta ini. Jadi, dengan adanya pelepasan cukai yang dibuat oleh pihak kerajaan, saya yakin dan percaya kegiatan seni akan terus meningkat sejajar dengan tuntutan Asian Renaissance seperti yang dibukukan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya amat tertarik dengan ucapan yang dibuat oleh saudara saya Yang Berhormat Senator Dato' Dr. T. Marimuthu sebentar tadi berkenaan dengan pendidikan. Saya perhatikan kalau kita hendak membuat satu anjakan paradigma, kita perlu memikirkan. Sekarang ini saya perhatikan rata-rata pihak swasta mempunyai twinning programme, program yang sejajar (parallel) dengan universiti-universiti luar walhal universiti-universiti kita di negara kita sendiri sepatutnya sudah mencapai tahap yang boleh membuatkan kolej-kolejnya terkenal di luar-luar kawasan perdana ini. Kalau kita lihat dari segi topografi negara kita, kebanyakan universiti-universiti ini terletak di pantai barat, Universiti

Utara Malaysia, Universiti Sains Malaysia di Pulau Pinang, Universiti Petronas sungguhpun banyak menimba bergelen-gelen, berbarrel minyak dari Pantai Timur pun buat universiti di sebelah pantai barat. Universiti Islam baru hendak buat di Kuantan sekarang ini, itu pun tidak siap lagi dan di Gombak bukan main cantik lagi. Universiti Malaya berapa lama di Lembah Pantai, Universiti Telekom sampailah ke Johor Universiti Teknologi, semuanya di pantai barat. Kalau sekiranya perlu membuat universiti-universiti ini di pantai barat dengan infrastruktur pendidikan khusus di pantai barat, saya hendak mencadangkan di sini menerusi rang undang-undang ini, kalau boleh universiti-universiti ini membuatkan francaisnya dengan pihak swasta yang sekarang ini wujud di pantai timur, salah satu daripadanya saya terlibat, institut kemahiran IKIP di negeri Pahang ini, mereka sanggup untuk hendak mengadakan twinning programme Universiti Malaya, apa-apa universiti sekali pun, sepatutnya sekarang ini difikirkan untuk membuat twinning programme dengan institusi-institusi pengajian tinggi.

Saya perhatikan defisit dari segi keperluan penuntut-penuntut kita yang berjumlah 39,000 yang disebutkan tadi dan kita hanya mampu memberi hanya 25,000, 10,000 short ini kurang, saya rasa ini tidak mendemokrasikan pendidikan. Kita terpaksa memberi peluang kepada semua lapisan masyarakat untuk mendapat pendidikan kalau mentalnya mampu untuk berbuat demikian. Tidak ada alasan untuk kita hendak menyekat mana-mana pihak untuk mendapatkan pengajian

tinggi di mana-mana tempat sekali pun dan kalau kita berdepan dengan krisis ekonomi, nilai mata wang sampai RM3.90 - AS\$1, RM6.30 untuk satu Pound Sterling, kita banyakkkan lagi franchise programme universiti tempatan dengan institusi-institusi pengajian tinggi tempatan, kita banyakkkan lagi twinning programme, insya-Allah, kita dapat atasi perkara ini dengan secepat mungkin.

Saya juga amat tertarik hati dengan kita kini menghantar pelajar-pelajar kita untuk pergi belajar dari segi agama ke universiti-universiti Timur Tengah dan sebentar tadi kita dengar Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan mengatakan daripada 17 buah sekolah-sekolah pondok ini telah banyak diiktiraf oleh universiti-universiti Timur Tengah.

Saya hendak tanya Dewan yang mulia ini, adakah kurikulum universiti-universiti Timur Tengah ini lebih hebat daripada kurikulum pengajian agama di negara kita. Seperti yang saya tahu semasa saya berada di Mesir baru-baru ini atas tiket International Parliamentary Union (IPU), kita dapati kurikulum Universiti Al-Azhar misalnya sudah beratus-ratus tahun dari segi pendekatan mereka khusus kepada agama tetapi saya perhatikan kurikulum Universiti Malaya, Akademi Islamnya, Universiti Islam Antarabangsa, Universiti Kebangsaan Malaysia, lebih luas skop pengajiannya.

Saya hendak cadangkan berkemungkinan besar kita tidak perlu lagi menghantar pelajar-pelajar kita ke universiti-universiti di timur tengah, universiti-universiti kita sekarang ini mampu memberikan pendekatan yang lebih universal,

yang lebih seajagat dari segi agama Islam dan ini pernah diperkatakan oleh para akademik luar negara, daripada Washington D.C. siapa-siapa nama yang hebat-hebat dari segi pengajian Islam pernah mengatakan universiti kita mempunyai kebolehan untuk memberi pendekatan baru, pendekatan yang lebih luas dan yang lebih universal, yang lebih seajagat dari segi pengajian Islam

Jadi, saya hendak mengesyorkan kepada Kementerian Pendidikan supaya meningkatkan lagi jumlah tempat yang boleh menampung keperluan pelajar-pelajar kita untuk mengetahui pendekatan yang kita buat di sini, yang saya rasa lebih hebat lagi daripada pendekatan yang dibawa oleh universiti-universiti di timur tengah. Jadi, hal pengajian Islam tidak perlu kita hendak hantar anak-anak kita ke luar negara, ke timur tengah, berpadalah mereka belajar di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga tertarik mendengar kerajaan akan terus menarik pelabur-pelabur dengan memberikan pelbagai peruntukan, tetapi yang saya bimbang pelabur-pelabur di dalam negara kita sendiri ini kebanyakannya lebih tertarik, antara negeri-negeri ini banyak perlumbaan, very competitive, dengan izin. Saya perhatikan antara negeri-negeri ini cara dia hendak berebut untuk hendak mendapatkan pelabur yang besar-besar ini dengan menerusi harga tanah dari masa ke semasa nilai yang paling kecil, nominal RM10. Saya minta Kementerian Kewangan supaya menentukan perkara ini tidak wujud di kalangan negeri-negeri berlumba-lumba menarik pelabur-pelabur tempatan, Proton City misalnya, pada satu ketika pernah hendak diwujudkan di kawasan DARA di

Pahang, tetapi nun sampai ke Perak sekarang ini, walhal ia sudah ada di Pekan, dari segi pembuatan kereta-kereta Pajero dan sebagainya dan saya periksa rupanya perbezaannya ialah kerana nilai tanah kerajaan negeri tidak sepatutnya ditentukan atas suka hati mereka sahaja, kalau harga RM10 hendak beri kepada syarikat yang besar ini, kerana mereka mendapat multiplier effect, dengan izin, effect sampingan di sekitar kawasan Proton City sungguhpun katalah dia beri RM10 atau RM100 seekar daripada 5,000 ekar, tetapi kawasan sekitar itu akan membangun. Inilah caranya, tetapi kalau kita biarkan negeri-negeri ini berebut dengan menggunakan nilai tanah sebagai satu penarik, saya rasa kita 'full stop to this matter' kerana ini bukannya cara kita hendak berlumba-lumba menarik pelabur dengan menggunakan khazanah tanah yang diberi oleh Allah S.W.T. kepada sesebuah negeri dengan mengambil kira nilai yang paling nominal. Saya minta kalau boleh pihak kementerian check perkara ini, kita semak adakah benar antara negeri-negeri wujudnya perlumbaan, persaingan untuk menarik pelabur-pelabur dan menggunakan nilai tanah sebagai satu tarikan yang paling rendah sekali yang akan diberi kepada pelabur-pelabur tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, kalau sekiranya kita memerlukan, dengan izin, a level playing field dari segi kita hendak menarik pelabur ini, dari segi kawasan padang yang sama rata antara pantai timur, saya hendak sebutkan koridor, tadi ada disebutkan koridor pembangunan timur, tetapi kalau adalah perlumbaan dan

persaingan dari segi tanah ini, saya rasa Pantai Timur pun mungkin ketinggalan untuk hendak membangunkan kawasan sekitarnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memberi maklum kerana saya ada dengar baru-baru ini, sungguhpun kita mengawal harga barang-barang tertentu di negara kita ini, saya dengar harga tepung misalnya di Malaysia RM1.20 hingga RM1.40 dan harga di negara jiran RM2.40 hingga RM2.80. Jadi berkemungkinan besar pihak kastam terpaksa kerja lebih masa untuk menentukan tidak ada pengaliran. Sekarang ini telah ada, tepung-tepung kita dan barang-barang yang lebih murah di negara kita diseludup untuk ke luar negara. Sekarang ini kita hidup di dunia yang tidak ada sempadan ini, senang sangat dia hendak melompat dari satu tempat ke satu tempat, jadi kalau boleh dalam keadaan kita berdepan dengan keadaan ekonomi yang begitu rupa di mana harga barang-barang makanan kita yang utama terpaksa kita jaga dengan baik supaya perkara seperti ini tidak menjejaskan dari segi supply, jumlah tepung kita dan juga barang-barang yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, saya perhatikan kalau kita hendak menarik pelabur-pelabur asing ke negara kita ini kita telah memberi banyak peruntukan dari segi akta kita, dari segi 'foreign direct investment' memang kita galakkan. Tetapi pada masa yang sama kita mesti juga berhati-hati kerana kita sekarang ini mempunyai pendedahan peringkat antarabangsa, ekonomi yang begitu liberal di seluruh dunia ini, kita perhatikan senang sangat, kalau sekiranya sesuatu pelabur itu tidak mempunyai kekuatan atau paksinya tidak berapa kuat untuk bertapak pada satu

tempat, senang sangat ia hendak berubah dari satu tempat ke satu tempat, mohon izin, the flow is very fluid, dari segi syarikat-syarikat ini dan bila saya tanya pihak kementerian hendak mengkaji dari segi 'fluidity'nya, saya dapati setakat ini 33 buah syarikat asing di luar negara telah pun tutup, gulung tikar ataupun pindah, dengan jumlah pelaburan RM505 juta, setengah milion dan melibatkan 16,472 pekerja.

Jadi, mereka mungkin pindah ke Vietnam, ke China atau tempat-tempat di mana kosnya lebih murah. Kita sepatutnya sekarang mempunyai strategi tidak bersaing lagi dari segi untuk hendak mewujudkan syarikat pengeluaran ini yang berpaksi kepada kos yang rendah dari segi tenaga murah kerana tenaga murah akan memurahkan lagi ekonomi kita, dengan izin, we are condemned to a very low level productivity. Kita tahu dan saya pernah sebutkan di sini, total productivity sector kita menurun dari 2% kepada 0.9% baru-baru ini yakni hanya menunjukkan sebagai satu indeks di mana produktiviti negara kita ini menurun, adakah ianya diakibatkan oleh 1.7 juta pekerja-pekerja asing yang datang ke negara kita ini memurahkan lagi kedudukan kita. Dari segi jangka pendeknya bagus kerana ia memberikan kita competitive edge, memberikan kita daya saingan tetapi daya saingan seperti ini adalah daya saingan jangka pendek, yang kita perlu ialah daya saingan jangka panjang di mana ia memerlukan knowledge based, ilmu, pekerja-pekerja yang berilmu sebagai satu lagi punca yang boleh menguatkan ekonomi kita.

Asas-asas lain saya perhatikan ekonomi kita ini teguh, sungguhpun sekarang ini kita berdepan dengan satu keadaan yang amat memeranjatkan di mana mata wang kita sendiri nilainya telah menjunam dan lebih-lebih lagi harga pasaran di BSKL pun telah menjunam tetapi kalau kita tengok dari segi fundamental yang lain, dari segi simpanan sebagai peratus GDP kita, KNK kita, negara kita Malaysia menyimpan 41%, kalau dibandingkan dengan Singapura 51%, kita nombor dua dibandingkan dengan Australia 22% sahaja, China dekat-dekat dengan kita 42%. Jadi simpanan kita ini banyak dan apabila kita tingkatkan lagi daripada 17% kepada 19%, ini akan meningkatkan lagi dari segi punca simpanan kita. Jadi, asas kita memang telah baik, sudah kukuh dan apa yang kita berdepan sekarang ini ialah satu-satunya di luar jangkaan kita.

Saya amat tertarik hati dengan kegiatan kerajaan yang dibuat menerusi EAEC atau ASEAN+3 ini sebenarnya mencerminkan notion and idea Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita, apabila Perdana Menteri kita sebut dahulu EAEC kerana ianya lebih penting daripada APEC, tengok sekarang ini sebenarnya ASEAN, China, Jepun, South Korea - kumpulan negara-negara inilah yang lebih hebat lagi kalau diperbetulkan sekarang ini dengan kumpulan atau rantau kumpulan seperti EU, NAFTA dan sebagainya. Dan saya ucapkan tahniah kepada pihak kerajaan kerana semasa kita berdepan dengan masalah yang besar ini, kita mempunyai muafakat serantau di mana China, Jepun sekarang ini bersetuju dengan perlunya EAEC lebih daripada APEC untuk kita ketengahkan sebagai satu

pola, satu lagi tunjang yang saya sebutkan dahulu, tiga tunjang berasas kepada Yen dan juga Beijing, EURO pada 1999 satu lagi nilai mata wang Eropah dan American Dollar, tiga tunjang ini patut kita ketengahkan sebagai nilai mata wang dunia yang sepatutnya berpaksi.

Saya pernah bertanya secara peribadi kepada pihak kementerian, saya tanya, nilai mata wang kita ini berpaksikan kepada mata wang lain ini, berapa peratus dengan Dolar ini? Kerana kita pun hendak tahu adakah ini satu formula sulit atau boleh diketahui oleh umum, apakah weightage dalam satu basket, dalam satu bakul itu berapa peratus kita ini berpaksi kepada Amerika, berpaksi kepada Yen, berpaksi kepada mata wang Hong Kong ataupun mata wang China kerana sebenarnya dari segi perdagangan kita berdagang. Saya tekankan beberapa kali, kita berdagang, kita lebih hebat, rantau kita ini, ASEAN sama dengan EAEC negara near East Asia ini, lebih banyak, lebih luas, lebih kuat. Soalnya sekarang ini bagaimanakah kedudukan nilai mata wang kita, ianya berpaksi kepada mata wang mana dan berapa peratus dengan nilai-nilai mata wang lain. Kalau dapat pihak kerajaan memberitahu ini lagi dapat kita meninjau sejauh mana kita dapat meneruskan mengatasi masalah pergelutan ekonomi.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga tertarik dengan rebat RM400 kepada pembelian komputer ini, di mana secara peribadinya RM400 ini, sekarang ini komputer pukul rata RM4,000 dengan jenis-jenis alatnya, saya pun tidak berapa faham dengan alat komputer ini, tetapi yang lebih penting daripada yang saya

hendak sebut di sini ialah peranan Telekom untuk membekalkan line-line tertentu. Saya baru ini pergi ke Kuantan dan bertanya kepada IKIP yang mempunyai institusi pengajian tinggi, saya kata bagaimana kalau kita hendak mempunyai satu teleconference di mana pensyarah-pensyarah Universiti Malaya misalnya dapat terus dikemukakan pada masa yang sama kepada pelajar-pelajar dan penuntut di Kuantan, rupanya untuk hendak menentukan kabel ini, Telekom punya caj sangat tinggi. Jadi kalau boleh kita semak balik untuk hendak menentukan multimedia kita berjalan dengan lancar dan IT kita berjalan dengan lancar. Kita dengar ada banyak lagu dalam radio dan juga di televisyen IT-IT sehingga anak kita pun bertanya, apa itu IT, fasal tak jelas, mesej yang dikeluarkan oleh televisyen tidak dapat menjelaskan erti IT itu sendiri, kita tidak tahu, lagunya sedap didengar, entah macam mana 'Pak Mat' tak sebut betul dari segi mesej apa yang hendak dibekalkan sehinggakan IT itu sendiri kita tidak berapa faham apa dia IT itu. Kita lebih seronok dengar lagu daripada dengar mesej yang hendak disampaikan.

Jadi, kalau boleh pihak kerajaan meneliti semula untuk hendak menentukan supaya kita tidak meminggirkan mereka di kawasan luar dari arus perdana pembangunan, arus perdana MSC (Multimedia Super Corridor) ini. Kita hendakkan Telekom memainkan peranan, memberi ruang, memberi masa, memberikan sedikit subsidi kalau boleh untuk membekalkan line-line tertentu, kabel-kabel tertentu bagi dapat mendedahkan mereka di kawasan pinggir untuk dapat menikmati pengertian multimedia.

Menyentuh tentang televisyen kita dalam konteks ini, saya rasa elok Televisyen Malaysia sekarang ini telah ada dua channel, swastakanlah satu biar Tok Mat ambil satu sahaja, TV1 sahaja, tak payah ada iklan TV itu. Hanya hendak mengeluarkan mesej-mesej kerajaan, program-program yang hebat, program-program yang mempunyai ilmu, knowledge-based, program yang boleh kita terima iktibar daripadanya, ha itu TV1. TV2 ini berikanlah kepada orang lain supaya banyakkannya program iklan hendak masuk tak kiralah fasal ini swasta.

Jadi, kerajaan hanya menumpukan kepada satu channel menjalankan kerja khusus untuk memberikan penerangan secepat mungkin dengan telus kepada masyarakat di bandar dan di luar bandar dan seluruh lapisan masyarakat dapat didedahkan, tak payah ada lagi iklan-iklan kerana iklan-iklan tersangkut-sangkut, mesej itu kadang-kadang 'pap' kita hendak dengar 'eh' sudah lupa lepas itu tengok orang yang pakai bikinilah, pakai ini, pakai itulah dengan program ini dan program itu, tersasul, lepas sembahyang Maghrib pun tersasul hendak menyampaikan ke waktu Isyak fasal kadang-kadang program itu menyasulkan. Jadi, TV1 khusus untuk pihak kerajaan menyampaikan mesej pemimpin, menyampaikan ilmu kepada rakyat jelata. TV2 swastakanlah berikanlah kepada orang lain, masukkan iklan banyak-banyak, itu tak kira.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga amat tertarik dengan Akta Petroleum yang kita sebutkan tadi, itu hanya menyentuh tentang cukai tetapi saya hendak bertanya kepada pihak kerajaan, Petronas dalam ianya menjalankan aktiviti, adakah pihak

kerajaan memberikan garis panduan dari segi cara mereka hendak melaburkan kerana duit ini duit terpijak, Tuhan memberi duit kepada kita, negara-negara terutama Timur Tengah, negara-negara Asia Tengah, negara-negara ASEAN banyak minyak, entah macam mana cara ia hendak memberikan minyak itu yang di bawah tanah, banyak sangat minyak.

Jadi, cara kita hendak menggunakan khazanah minyak yang diberi oleh Allah S.W.T. ini adakah kaedahnya, adakah kita membuat universiti satu ataupun membuat petro chemical di Pantai Timur atau melabur di Iran dan sebagainya. Apakah caranya kerana kita mengeluarkan minyak sekarang ini saya diberitahu tidak akan meningkat 650,000 barrel dan ianya tidak meningkat. Jadi kerana harga minyak naik, kita tidak cukup duit, kita tingkatkan lagi pengeluarannya sampai pupus nanti cucu-cicit esok tak dapat dari segi menikmati hasil dari minyak. Jadi, saya diberitahu tahap pengeluaran minyak 650,000 barrel setahun, kalau inilah caranya kerana semuanya ini dalam US Dollars kita mengeksport minyak kita kerana minyak kita kualitasnya baik, saya hendak tahu duit punca dari itu adakah ia mempunyai guidelines kerana kita tidak ada orang politik dalam itu, yang ada saya lihat dan juga gaji masing-masing, saya menyokonglah saranan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, kita kena mengkaji semula, jangan kita bandingkan Petronas dengan Shell yang beribu pejabat di London dan juga di Amsterdam ataupun dengan Esso di Texas - tak boleh, kerana mereka cara mereka, ini bukan subsidi, ini konsesi yang kerajaan beri kepada Petronas. Cara

kita berniaga, menggali, mencari minyak, mencari gas lepas itu berkongsi dengan mereka yang membuatnya. Kita dapat sedikit consesion daripada situ, dapat sedikit peratusan, lain dengan pencari-pencari minyak seperti Apson dan sebagainya. Jadi, gaji kita sungguhpun ini Petronas yang termasuk dalam senarai 500 *Fortune* magazine ini dengan keuntungan yang begitu banyak tetapi maksudnya kita mesti kaitkan semula dari segi norma-norma, nilai-nilai Malaysia, kalau sekiranya Presiden Esso dapat RM6 juta, tak semestinya kita dapat RM6 juta, tak semestinya begitu dan bonus saya perhatikan juga kita akan memberikan pengawasan dari segi bonus. Tak tahulah, adakah bonus yang lebih daripada dua bulan itu akan dapat menentukan syarikat-syarikat di mana kerajaan mempunyai kepentingan juga mengikut jejak langkah arahan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita kerana ini bukan arahan. Ini mungkin merupakan satu cadangan tetapi kalau cadangan daripada boss kita macam arahan jugalah. Jadi saya hendak mengajak Menteri Kewangan untuk menentukan supaya syarikat-syarikat di mana wujudnya kepentingan kerajaan, kita kena teliti dari segi bagaimana mereka menggunakan kewangan mereka. Bukan sahaja kepada bonus dan juga kepada gaji dan sebagainya tetapi cara-cara lain supaya kita dapat mengaudit pengurusan dari segi operational audit, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, kalau ini kita buat, maknanya kerajaan memainkan peranannya, pihak swasta juga memainkan peranannya. Insya-Allah, kita dapat sekatkan lagi kemelut dan kegawatan ekonomi yang kita hadapi sekarang ini.

Saya menyokong rang undang-undang yang dibawa oleh pihak kerajaan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Tan Ah Eng.

5.11 ptg.

Puan Tan Ah Eng: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Kewangan (No.2) 1997 ini.

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini menyampaikan hormat takzim dan sokongan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri kita dalam segala usaha, langkah dan pengorbanan yang telah diambil oleh mereka menangani masalah ekonomi negara akibat daripada kejatuhan nilai mata wang negara.

Sebagai langkah yang bertujuan untuk memulihkan keadaan ekonomi negara kepada suatu tahap yang lebih stabil, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan kita telah mengumumkan pelbagai strategi dan pelan tindakan yang segera. Di antaranya termasuklah potongan gaji Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri dan Menteri-menteri Kabinet sebanyak 10% sehingga berlanjutan kepada semua Ahli-ahli dalam Dewan yang mulia ini sebanyak 3% termasuklah diri saya sendiri.

Langkah ini boleh disifatkan sebagai satu langkah yang mungkin tidak begitu popular walaupun hanya daripada jumlah peratus yang agak kecil tetapi penuh erti. Ini bermakna pucuk pimpinan negara bersedia berkorban dan tetap menjadi teladan rakyat dalam usaha bersama rakyat dalam segala bentuk kesulitan dan kepahitan yang akan dihadapi sekarang.

Sokongan dan semangat kekitaan antara pemimpin kerajaan dan rakyat amatlah perlu pada saat-saat yang cemas ini. Memanglah kita semua menganggap masalah yang kita hadapi kali ini satu perkara yang negatif, namun ia juga merupakan satu cabaran negara menuju ke arah Wawasan 2020 dan satu ruang masa yang penting bagi kita untuk menyusun semula langkah kita demi menstabilkan serta mengukuhkan ekonomi negara dan ketahanan nasional kita.

Umpamanya selepas Perang Dunia II, negara Jepun telah mengalami satu keadaan yang begitu teruk sekali, bukan sahaja dari segi ekonomi tetapi dalam semua aspek, namun dengan semangat kekitaan dan kerjasama di antara pemimpin dan rakyat pada hari ini negara Jepun telah muncul sebagai salah sebuah negara maju yang terkaya di dunia. Maka saya percaya kalau orang lain boleh Malaysia pun boleh.

Sehubungan dengan ini saya mengemukakan beberapa pandangan dan cadangan saya untuk perhatian Dewan yang mulia ini. Perkara pertama ialah mengenai pendidikan dan celik komputer.

Tuan Yang di-Pertua, kita dibela oleh kerajaan yang proaktif dalam mengambil langkah yang berani menuju ke arah mencapai objektifnya dan merealisasikan matlamatnya membangunkan sumber-sumber manusia dalam industri teknologi maklumat. Usaha ini diketuai oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri dengan penuh keyakinan dalam pembentukan negara kita sebagai power house, dengan izin, teknologi maklumat di rantau ini. Tetapi bagi mencapai destinasi tersebut adalah suatu perjalanan yang penuh cabaran yang memerlukan inspirasi, stamina dan usaha yang berterusan dari semua pihak dalam kerajaan dan penduduk kita. Maka sebagai langkah permulaan sumber-sumber untuk teknologi maklumat mesti dipelajari di sekolah-sekolah. Menuju sasaran ini peranan dan usaha yang dimainkan oleh Kementerian Pendidikan dalam menghadapi pelbagai masalah implementasi dalam memperkenalkan, menggalakkan, mendidik dan mencerdikkan pengetahuan komputer di sekolah-sekolah. Sementara ini adalah amat menggalakkan apabila kita mendapati peningkatan pengguna Internet di kalangan pemuda-pemudi. Kerajaan juga perlu memastikan generasi muda kita menjadi pencipta teknologi maklumat, mencipta web page dan mereka menggunakan sort daripada pengguna kepada pencipta. Pemuda Malaysia mesti dididik dengan lebih mendalam lagi di mana rangka bagi teknologi maklumat adalah tidak terhad.

Universiti-universiti tempatan kita boleh memperkenalkan kursus kemahiran komputer yang terpilih. Dalam percutian sekolah bagi ibu bapa dalam

melengkapkan pengetahuan komputer mereka dan seterusnya dapat membantu anak-anak mereka, kelab-kelab komputer di sekolah-sekolah harus seterusnya diberi galakan dan pertubuhan belia juga seharusnya memperkenalkan khemah-khemah komputer untuk berkongsi dan bertukar pengalaman dalam pelajaran komputer. Sebuah kelab komputer eksekutif seharusnya ditubuhkan dan ditaja oleh pembekal-pembekal Internet kita untuk mendidik dan memupuk kebolehan khas dan kepakaran di kalangan pemuda pemudi yang menunjukkan kebolehan luar biasa dalam menggunakan dan penciptaan pengetahuan komputer.

Akhirnya kerajaan perlu mengawal di antara pelajar-pelajar di bandar dan luar bandar untuk memastikan sumber-sumber yang seimbang disalurkan ke kawasan-kawasan tersebut dan mencegah ketidaksaksamaan penekanan dan ketidakseimbangan di antara sekolah-sekolah dalam bandar dan luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang kedua saya ingin sentuh ialah mengenai kenaikan harga makanan dan langkah-langkah mengawal kenaikan kos.

Tuan Yang di-Pertua, saya berasa adalah menjadi tanggungjawab saya untuk menimbulkan perkara yang memerlukan perhatian segera dari Dewan yang mulia ini. Perkara ini adalah mengenai kenaikan harga yang tidak berpatutan bagi hasil makanan iaitu sayur-sayuran, ikan dan banyak lagi barang penggunaan sehingga kepada makanan yang dijual di gerai dan warong penjaja.

Sebagai langkah yang bertanggungjawab untuk mengawal kenaikan harga yang tidak berpatutan ini, saya merayu kepada Kementerian Perdagangan Dalam

Negeri dan Hal Ehwal Pengguna untuk melipatgandakan pemeriksaannya terhadap mereka yang terlibat itu.

Saya telah dimaklumkan bahawa kenaikan harga adalah diakibatkan daripada masalah jerebu atau penurunan nilai mata wang Ringgit. Kebanyakan penjual sayur-sayuran di pasar-pasar telah merayu bahawa harga jualan sayur-sayuran yang diimport telah naik dan mereka terpaksa menjual sayur-sayuran tersebut dengan harga yang lebih tinggi. Penjual-penjual ikan juga merayu kerana pengusaha-pengusaha pukat tunda perlu menaikkan harga ikan kerana masalah jerebu yang telah menyebabkan hasil tangkapan mereka merosot.

Hampir semua yang menjual barang makanan serta mereka yang berkaitan menentukan justifikasi mereka untuk menaikkan harga. Pada keseluruhannya, arah dasar dan implikasi jangka panjang perlu dikaji sekarang mengenai penurunan nilai mata wang Ringgit dan sama ada kenaikan harga adalah sejajar dengan mengambil kira masalah jerebu yang menyebabkan kemerosotan pengeluaran sayur-sayuran dan makanan tempatan.

Ini adalah agak buruk sebab penurunan nilai mata wang Ringgit telah menjadikan makanan yang diimport lebih mahal, ini akan menjejaskan lagi kehidupan rakyat yang berpendapatan sederhana dan keluarga miskin, jika barang makanan tempatan menjadi lebih mahal kerana kenaikan harga yang tidak sepatutnya. Mereka ini tidak mempunyai pilihan di antara makanan import atau makanan tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, ada yang saya ingin timbulkan kepada Dewan yang mulia ini tidak lain, tidak bukan di mana selama ini Ahli-ahli Dewan ini telah mencadangkan hasil makanan tempatan perlu diberi peluang kepada mengembangkan dan mencukupi untuk menampung keperluan negara. Walaupun perangkaan berkenaan telah menunjukkan bahawa hasil pengeluaran bahan makanan telah meningkat dengan pesatnya dalam tahun-tahun yang lalu, permintaan bahan-bahan makanan yang tertentu masih tidak mencukupi. Kita terus mengimport bekalan dalam jumlah yang besar iaitu ikan, daging dan sayur-sayuran serta akhirnya menghadapi satu bil import yang besar setiap tahun. Saya menyokong penuh cadangan bahawa kerajaan perlu mengkaji semula langkah-langkah untuk pelaksanaan Rancangan Buku Hijau dan dengan ini Kementerian Pertanian perlu mengadakan usaha sama dengan beberapa kerajaan negeri untuk mengenalpasti tanah-tanah yang sesuai bagi tanaman sayur-sayuran dan buah-buahan serta kegiatan pertanian campuran.

Kerajaan-kerajaan negeri perlu memperuntukkan tanah-tanah yang luas dan sesuai bagi kegunaan kegiatan pertanian komersial untuk meningkatkan hasil makanan, malangnya selama ini sedikit penekanan hanya diberi oleh kerajaan-kerajaan negeri atas usaha ini kerana lebih mementingkan kepada pembukaan tanah baru untuk tujuan industri dan pembangunan bandar-bandar baru. Setakat ini kita telah gagal dalam objektif negara menuju ke arah pencapaian pengeluaran hasil makanan yang mencukupi untuk keperluan negara. Pertanian komersial,

pekebun kecil, ternakan ikan dan pertanian campuran perlu diberi insentif tambahan oleh jabatan-jabatan kerajaan berkenaan. Kita mempunyai kes di mana seorang petani dusun buah-buahan yang kurang bernasib baik dihalau daripada tanah tanamannya untuk memberi jalan bagi pembangunan perumahan dan industri, hanya sedikit insentif bagi syarikat besar yang ingin menceburi dalam pertanian komersial dan tanaman sayur-sayuran.

Walau bagaimanapun, hasil pengeluaran makanan bagi negara kita tidak sejajar dengan bentuk tindakan yang kita ambil selama ini. Kita telah menyuarakan berulang kali tentang makanan import kita yang besar dan hanya sedikit usaha diambil untuk menangani masalah jangka panjang ini. Bank-bank komersial kita tidak begitu rela untuk menyediakan pinjaman bagi projek pertanian dan kebanyakan daripada hasil makanan pertanian datang dari tanah tanaman yang dimiliki oleh keluarga. Kerjasama penyelidikan di antara petani-petani adalah terhad dan potensi yang besar di sektor pertanian tempatan dari segi permintaan untuk hasil makanan dalam kategori ini kita terus bergantung kepada makanan import. Dari segi ikan dan sayur-sayuran, kita hanya mengadakan sedikit kemajuan dalam menampung keperluan sendiri. Ini adalah masanya bagi kita untuk bertindak dengan segera.

Kawasan perikanan di pantai kita tidak lagi dapat menampung industri perikanan kita, kita terpaksa menuju kepada kegiatan ternakan ikan. Cameron Highlands masih menjadi sumber tradisional hasil sayur-sayuran kita. Kita

mempunyai banyak tanah-tanah tinggi dan iklim tanah yang sesuai untuk tanaman sayur-sayuran tempatan tetapi mengapa kita tidak mengadakan usaha untuk membukakan tanah tinggi yang baru untuk tanaman. Adakah kita berusaha lebih dalam didikan dan pembangunan kegiatan dalam membantu pekebun-pekebun atau dalam kegiatan ternakan atau tanaman sayur-sayuran.

Kesemua persoalan tersebut adalah berkaitan dalam usaha mengurangkan bil bahan makanan import kita, dengan perangkaan yang begini, import makanan dan bahan pertanian menyumbang kepada kira-kira 27% kepada defisit perdagangan negara kita. Dengan jelas sekali makanan import telah meningkat daripada RM5 bilion dalam tahun 1992 kepada RM9 bilion dalam tahun 1996 termasuk import makanan haiwan, perubatan, baja dan racun serangga, bil import sehingga melebihi RM10 bilion.

Perkara yang ketiga, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh ialah mengenai kaji semula dasar kerajaan atas pengambilan pekerja-pekerja asing. Kerajaan baru-baru ini telah mengkaji semula dasarnya terhadap pengambilan pekerja-pekerja asing berikutan dengan keputusan awal untuk mengurangkan pengambilan tersebut kerana bilangan pekerja asing yang ramai telah mendatangkan implikasi sosio-ekonomi yang negatif terhadap masyarakat Malaysia dan penekanan terhadap pekerja-pekerja haram dalam peningkatan kadar jenayah. Keputusan kerajaan dalam membenarkan pengambilan pekerja-pekerja asing dalam industri-industri pembuatan dan perladangan telah memenuhi

keperluan negara untuk meningkatkan eksport dengan memandangkan keadaan ekonomi sekarang.

Walau bagaimanapun, saya merayu kepada kerajaan supaya dapat memastikan agensi-agensi pekerjaan yang berkenaan dapat dikawal dengan ketat untuk memastikan mereka tidak mengeksploitasikan situasi ini semata-mata untuk membuat keuntungan berlebihan demi kepentingan diri dengan membawa masuk pekerja-pekerja yang tidak mahir dan berkelakuan buruk yang lebih kemungkinan terlibat dalam jenayah.

Negara kita telah menghadapi satu situasi kesulitan ekonomi di mana jumlah upah dan gaji yang diperolehi oleh pekerja-pekerja asing tersebut terus mengalir ke negara asal mereka dalam jumlah yang besar. Sama ada sumbangan mereka dalam ekonomi dapat mengatasi aspek negatif kehadiran mereka secara beramai-ramai tidak dapat dipastikan. Kerajaan perlu memastikan bahawa hanya pekerja-pekerja yang mahir dibawa masuk dan langkah-langkah mencegah penyakit-penyakit berjangkit yang dibawa oleh pekerja-pekerja asing tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, kita lebih berharap kerajaan melipatgandakan usaha untuk menggalakkan industri-industri pembuatan tempatan kita menukar kepada alat mesin automatik dan penggunaan robot sebagai langkah-langkah jangka panjang untuk mengurangkan pergantungan kita atas pekerja-pekerja asing.

Perkara terpenting yang saya ingin kemukakan di sini ialah kita mempunyai sumber-sumber potensi di mana usaha kita terhadap teknologi maklumat dalam

penggunaan komputer yang berteknologi tinggi yang boleh dieksploitasikan lagi demi membangunkan barisan pengeluaran industri pembuatan kita secara automatik. Kita terpaksa menuju ke arah ini kerana negara kita telah memasuki satu tahap revolusi industri yang baru.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya menyokong penuh Rang Undang-undang Kewangan (No.2) 1997. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Kamilia.

5.34 ptg.

Puan Kamilia binti Ibrahim: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun untuk menyokong pindaan-pindaan yang telah dikemukakan oleh pihak Kementerian Kewangan dan ingin mengucapkan tahniah kepada pihak kementerian walaupun dalam menghadapi kemelut ekonomi dewasa ini masih lagi berjaya mengemukakan pindaan-pindaan yang begitu prihatin dan berciri penyayang (caring) dan sangat menepati falsafah kewangan, iaitu falsafah pembangunan dan keadilan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh tentang pindaan kepada Akta Cukai Pendapatan 1997, Fasal 5 iaitu mengenai pembelian komputer. Saya mengalu-alukan peruntukan rebat yang telah diberi, walau bagaimanapun, saya ingin memberi pandangan bahawa rebat yang diberi itu hendaklah melihat kepada golongan pendapatan mereka yang terlibat untuk membeli komputer peribadi kerana mungkin dalam peraturan-peraturan kepada pindaan ini boleh diberi

pengecualian-pengecualian kepada mereka yang mungkin pendapatannya lebih kurang ataupun diberikan kategori-kategori pendapatan supaya mereka yang mempunyai pendapatan yang kurang masih lagi boleh mendapat rebat ini tetapi mungkin rebat yang lebih tinggi.

Saya juga ingin mencadangkan bahawa tempoh lima tahun itu juga diberi pengecualian kerana saya rasa perubahan dalam teknologi komputer ini terlalu pantas. Dalam lima tahun mungkin kita perlu tukar komputer. Jadi, mungkin kalau boleh pihak kementerian memberi pengecualian-pengecualian tentang perkara-perkara yang saya sebutkan tadi supaya kalau kita berusaha untuk menambahkan literasi komputer, kita perlulah memberi satu komitmen yang realistik dan sebenarnya dapat disampaikan kepada semua peringkat rakyat agar kita tidak mempunyai pengecualian kepada hanya mereka yang mempunyai kemampuan.

Yang kedua ialah mengenai Fasal 9. Majikan adalah dikenakan potongan EPF 19% untuk pekerja. Saya juga ingin mencadangkan satu pengecualian juga dibuat untuk dikategorikan majikan-majikan dengan pendapatan-pendapatan yang tertentu kerana dalam keadaan sekarang walaupun majikan dikenakan 17%, kita dapati ramai majikan yang tidak mampu membayar EPF kepada pekerja-pekerja mereka kerana ini akan sangat bergantung kepada pendapatan-pendapatan syarikat-syarikat atau firma-firma yang berkenaan. Kita tahu banyak masalah

yang timbul tentang pengutipan EPF oleh pihak EPF kepada syarikat-syarikat kerana kurang kemampuan untuk membayar.

Saya merasakan perlu adanya satu kayu ukur yang lebih realistik dalam menentukan tentang peratusan yang perlu diberi oleh pihak majikan, terutamanya dalam keadaan ekonomi pada masa ini. Kalau kita lihat banyak kes dibawa ke mahkamah di mana majikan gagal membayar EPF dan apa yang dikenakan apabila disabitkan di mahkamah, maka pihak mahkamah akan hanya memberi keputusan kepada majikan yang telah gagal membuat pembayaran untuk membayar secara ansuran yang berdikit-dikit. Jadi, saya rasa ia tidak menepati, mungkin rasional atau tujuan atau matlamat pindaan ini dibuat kalau hendak menabung lebih banyak dalam EPF. Walau bagaimanapun, saya menyokong kalau ianya dapat diberikan kepada syarikat-syarikat atau majikan-majikan yang mempunyai kategori-kategori pendapatan yang tertentu.

Seterusnya saya ingin menyokong Fasal 11 dan juga beberapa fasal lain yang berkaitan yang memberikan galakan untuk membangunkan kesenian dalam negara ini seperti untuk memberi kebebasan ataupun pengecualian cukai bagi lukisan dan sebagainya. Saya rasa saya amat bersetuju dengan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz tadi kalau kita hendak mempertingkatkan satu ketamadunan di negara ini tentu sekalilah ianya perlu melibatkan, satu satunya ialah kesenian dan kebudayaan yang lebih tinggi. Tentu sekalilah kalau kita ingin mengadakan lebih banyak muzium yang lebih mempunyai lukisan

ataupun antikuiti yang lain yang lebih berkualiti, kita akan dapat memberi galakan kepada mereka yang kaya, yang membuat collection, dengan izin, lukisan-lukisan berikut supaya memberikan kepada pihak-pihak muzium dan sebagainya dan untuk kita mempertingkatkan lagi nilai kesenian dan kebudayaan di negara ini.

Yang ketiganya ialah mengenai Fasal 12. Saya mempunyai pendapat yang berbeza mengenai cadangan kerajaan untuk mengurangkan anak-anak yang pergi belajar ke luar negara. Walaupun saya faham bahawa untuk memastikan tidak banyaknya keluar wang daripada negara ini kerana ramai di antara anak kita pergi ke luar negara, tetapi saya berpendapat bagi ibu bapa yang mampu, mereka perlulah diberikan kelonggaran untuk melepaskan atau dibenarkan membiayai anak-anak mereka belajar di luar negara.

Di sini juga saya ingin mohon mencadangkan satu pengecualian iaitu jikalau anak yang hendak dihantar ke luar itu akan mengikuti kursus-kursus khas atau khusus yang tidak terdapat di negara ini, maka perlulah peruntukan ini dikecualikan kerana saya percaya kita mahukan negara kita mempunyai anak-anak yang mempunyai pengetahuan yang tinggi. Saya selalu berpendapat bahawa exposure, dengan izin, belajar di luar negara itu banyak memberi manfaat kepada anak-anak kita. Jadi kalau boleh kita berikan pengecualian tersebut, kursus-kursus yang khusus.

Yang keduanya, saya juga mencadangkan pengecualian diberi kepada ibu bapa yang mungkin anaknya tidak dapat tempat di negara ini untuk belajar dan

mempunyai hasrat untuk belajar di luar negara untuk dilihat daripada kategori pendapatan ibu bapa tersebut. Jikalau pendapatan mereka itu tidak lumayan tetapi atas kerana hasrat dan cita-cita yang besar dan tinggi masih mahu dengan wang tabungan yang ada untuk membiayai anaknya belajar di luar negara akan diberikan pengecualian tersebut.

Dalam konteks ini juga, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan kerajaan mengadakan usaha-usaha dengan universiti-universiti negara-negara luar untuk mendapatkan biasiswa-biasiswa yang dikeluarkan oleh universiti-universiti luar negara dan dapat diselaraskan oleh pihak Kementerian Pendidikan supaya biasiswa-biasiswa luar negara itu dapat disalurkan kepada penuntut-penuntut kita.

Saya juga mencadangkan kita mewujudkan satu program, dengan izin, exchange students yang mana kalau ada kita mengadakan pertukaran penuntut-penuntut di antara universiti, contohnya Universiti Malaya mungkin dengan Oxford ataupun Cambridge ataupun Universiti Kebangsaan Malaysia dengan Ohio dan sebagainya. Walaupun mungkin kita ada twinning programme dan sebagainya, tetapi saya rasa tidak sama kalau mereka itu sebenarnya dihantar dan ini kita dapat menyelamatkan pengeluaran wang kerana dengan kita menghantar seorang, kita dapat pula masuk duit luar ke dalam negara kita.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Seterusnya, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyokong Fasal 20 iaitu ini ialah dalam galakan yang diberi oleh kerajaan untuk penyimpanan barang eksport

dan sebagainya dan ini adalah untuk kita memberi galakan kepada kita menjalankan perniagaan ke luar negara untuk pendapatan negara.

Yang keduanya, saya ingin menyokong di bawah pindaan kepada Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah. Saya amat bersetuju dengan pindaan-pindaan yang telah dibuat yang begitu tegas untuk mengelakkan spekulasi berterusan. Kita dapati bahawa memang ada cukai di bawah CKHT ini yang dikenakan kepada hartanah yang dijual pada 30% dan mengikut berapa lama harta itu dipegang. Ini pun telah lama diadakan. Tetapi yang saya rasa perlu diberi penekanan di sini ialah apa yang telah ditetapkan bagi orang luar, iaitu tanpa mengira tempoh masa pegangan ianya dikenakan 30%. Saya rasa ini adalah satu tindakan yang amat dialu-alukan supaya kita mengelakkan spekulasi selain daripada pemindahan harta kepada orang luar.

Seperkara yang saya rasa saya juga ingin memberi pandangan dan cadangan di sini ialah tentang kutipan cukai keuntungan harta ini. Kita dapati bahawa mengikut prosedur yang ada, cukai keuntungan harta ini biasanya akan diperuntukkan di dalam perjanjian jual beli di antara penjual dan pembeli. Mengikut peruntukan yang ada sekarang ini, tanggungjawab adalah terletak kepada peguam untuk menyetepikan sejumlah wang itu untuk dibayar kepada pihak kementerian. Walau bagaimanapun, saya berpendapat bahawa apa yang dilaksanakan sekarang ini agak melambatkan proses untuk kerajaan sebenarnya mengutip keuntungan harta tanah tersebut kerana ada kalanya pihak yang menjual

itu tidak membuat deklarasi tentang penjualan, begitu juga pihak pembeli walaupun kita tahu transaksi ini biasanya akan menjadi satu notifikasi kepada pihak kementerian, terutamanya Jabatan Hasil Dalam Negeri apabila ianya dibawa untuk mendapatkan adjudikasi tetapi walaupun pihak kementerian tahu, ianya adalah dalam tempoh masa yang lama.

Saya ingin mencadangkan untuk mempercepatkan proses pengutipan cukai keuntungan harta tanah ini, cukai itu hendaklah ditetapkan semasa notifikasi tentang jualan itu dibuat di peringkat pejabat duti setem semasa pihak peguam ataupun pihak penjual ataupun pembeli menghantar dokumen-dokumen ke pejabat duti setem itu perlulah ada satu mekanisme atau peraturan yang mana pihak kementerian dapat dengan mudah dan cepat mengetahui tentang adanya transaksi jualan bahawa harta yang dilepaskan atau dilupuskan itu adalah dalam tempoh yang boleh dikenakan cukai. Ini adalah satu perkara yang saya rasa perlu diberi perhatian walaupun mungkin cadangan saya itu tidak begitu kemas kerana saya terfikir pada masa saya mendengar pindaan-pindaan yang telah dikemukakan tadi.

Seterusnya saya ingin juga menyokong tentang pindaan kepada Akta Setem iaitu adjudikasi telah ditambah daripada RM1.00 kepada RM10.00. Sebenarnya fee adjudikasi ini telah lama dikenakan sebanyak RM1.00 walaupun dalam perkembangan pembangunan ekonomi yang begitu pesat tetapi kita telah tidak mengubahnya begitu lama. Saya ucapkan tahniah kepada pihak kementerian kerana fee adjudikasi ini adalah satu sumber kewangan kepada kerajaan dan

pulangan balik kepada rakyat yang begitu tetap dan boleh dikumpul begitu banyak, terutamanya masa ekonomi begitu baik dahulu. Kalaulah masa banyak rumah dijual beli hari itu kita letakkan RM10.00, saya rasa kerajaan telah dapat mengutip begitu banyak cukai pendapatan.

Di sini saya juga ingin mencadangkan untuk dipertimbangkan dalam masa ekonomi yang lebih menggalakkan, kita memberikan kategori-kategori tertentu harga yang lebih daripada RM1 million contohnya, fee adjudikasinya mungkin dilebihkan. Mungkin juga kalau kita dapat memberi pengecualian bagi rumah-rumah, tetapi rumah kos rendah memang dikecualikan daripada duti setem. Jadi saya ingin mencadangkan kalau boleh diberi juga pengecualian tetapi dalam pengecualian itu kepada kategori-kategori yang mempunyai harga rumah yang lebih tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya secara amnya, saya juga mengalu-alukan segala pindaan yang telah dikemukakan yang banyak merupakan galakan kepada rakyat untuk menabung, bersama-sama bekerjasama dan seharusnya memberi sokongan yang padu kepada semua tindakan kerajaan untuk sama-sama dapat membantu memulihkan ekonomi negara.

Dalam hal penabungan ini, ada satu cadangan yang saya rasa mungkin boleh difikirkan iaitu saya ingin mencadangkan kita dapat mengadakan peraturan untuk kedai-kedai ditutup awal pada pukul 7.00 atau 8.00 malam. Kalau kita perhatikan di negara-negara membangun, contohnya di London ataupun di Paris

sekalipun, di Australia dan sebagainya, kedai-kedai akan ditutup awal, paling lewat pukul 8.30 malam, itu pun di pinggir-pinggir bandar. Jadi kalau kita dapat buat peraturan tersebut, mungkin kita dapat juga, pertamanya, mengurangkan perbelanjaan. Yang keduanya, saya rasa sampailah masanya kita menghormati waktu Maghrib, selain daripada kita mengelakkan banyaknya timbul masalah sosial yang banyak kita perkatakan. Mungkin kita tidak dapat mengadakan masa yang banyak dahulu dicadangkan bagi remaja supaya tidak keluar pukul 10.00 malam dan sebagainya tetapi kalau dengan kedai-kedai itu ditutup, mungkin kita boleh mengurangkan sedikit aktiviti-aktiviti di luar.

Lagi satu perkara, sedikit sahaja, Tuan Yang di-Pertua, dalam kita melaksanakan kempen-kempen harga naik untuk bahan-bahan seperti gula, minyak dan sebagainya, saya ingin mencadangkan terutamanya kepada wanita-wanita supaya kita lebih mengadakan kempen-kempen resepi-resepi yang tidak menggunakan banyak bahan harganya naik dan juga stok bahan-bahannya mungkin sudah berkurangan.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong rang undang-undang yang telah dikemukakan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sila, Yang Berhormat.

5.50 ptg.

Tuan Jiuin bin Jimin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Sebelum saya menyentuh satu dua perkara mengenai dengan rang undang-undang yang telah dibentangkan tadi, saya ingin menyentuh beberapa perkara umum.

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada kerajaan kerana ketangkasannya untuk mengambil langkah-langkah berani dan pintar untuk menangani masalah kemerosotan ekonomi kita akibat kegiatan-kegiatan spekulator yang hanya bertujuan mengaut keuntungan yang besar dalam jangka masa yang pendek. Perbuatan ini tidak ada perbezaannya daripada perbuatan orang yang mencuri wang atau harta dari kita. Itulah akibatnya perniagaan mata wang yang tidak ada kawalan langsung.

Tuan Yang di-Pertua, kita harus juga bersyukur kepada Tuhan yang maha kuasa dan pengasih kerana diberi sebuah Kerajaan Barisan Nasional yang dipimpin oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad dan timbalannya Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar Ibrahim. Saya penuh kepercayaan dan keyakinan bahawa kerajaan dengan sokongan seluruh rakyat akan dapat menyelesaikan masalah ekonomi kita ini. Bayangkanlah kalau kita tidak mempunyai kerajaan yang cekap dan kukuh yang dipimpin oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan timbalannya serta ahli-ahli Kabinetnya, saya tidak tahu apa sudah jadi kepada negara ini. Kita juga bersyukur kepada Tuhan yang maha kuasa kerana rakyat di negara ini bukan sahaja berdisiplin tinggi, tetapi juga cepat memahami keadaan dan mempunyai kesabaran yang tinggi. Dengan

kesungguhan kerajaan untuk mengambil langkah-langkah positif untuk memulihkan keadaan ekonomi dan kesanggupan rakyat untuk menderita seketika dalam keadaan ekonomi semasa, saya sekali lagi percaya dan penuh keyakinan bahawa keadaan ekonomi kita akan pulih ke tahap yang lebih kukuh lagi selepas ini.

Saya juga mengharapkan agar keadaan ekonomi kita ketika ini dapat menyedarkan kepada seluruh rakyat betapa pentingnya mempunyai kerajaan yang kukuh untuk mengatasi masalah seperti ini. Bayangkanlah senario di mana kerajaan kita lemah dan tidak menguasai sebahagian besar dari jumlah ahli-ahli Parlimen ini. Sudah tentu apa sahaja tindakan yang patut diambil dengan segera tidak dapat diambil dan seterusnya mengakibatkan keadaan ekonomi terus merosot sehingga tidak dapat dipulihkan lagi.

Umum mengetahui bahawa ekonomi kita telah berkembang dengan pesatnya sejak beberapa tahun yang lalu. Kejadian ini bukan secara kebetulan, tetapi adalah hasil dari strategi dan perancangan yang teliti oleh kerajaan. Dengan bukti-bukti keberkesanan tindakan kerajaan ini, maka sekali lagi saya percaya dan yakin bahawa cadangan-cadangan tindakan kerajaan dalam Belanjawan 1998 dan langkah-langkah tambahan yang dibentangkan oleh Yang Amat Timbalan Perdana Menteri minggu lalu akan mencetuskan keadaan yang positif dan seterusnya memulihkan keadaan ekonomi.

Saya juga mengucapkan terima kasih kepada kerajaan kerana walaupun dalam keadaan ekonomi sekarang di mana peruntukan untuk kebanyakan aktiviti telah dikurangkan tetapi peruntukan untuk perkara-perkara asas seperti pembasmian kemiskinan, kesihatan dan pendidikan tetapi diteruskan tanpa pemotongan. Dalam kesempatan ini saya ingin merayu kepada pihak Kerajaan Persekutuan untuk melaksanakan program pembasmian kemiskinan ini mengikut keutamaan negeri-negeri yang masih tinggi tahap kemiskinannya haruslah diberi keutamaan.

Dalam kesempatan ini saya ingin menarik perhatian di negeri Sabah, walaupun kadar kemiskinan di Sabah telah mengalami penurunan daripada 58.3% pada tahun 1976 kepada 33.2% pada tahun 1993 dan seterusnya menurun ke 26% pada tahun ini, iaitu tiga tahun selepas Kerajaan Barisan Nasional mengambil alih kerajaan negeri, namun bilangan isi rumah miskin sebenarnya telah meningkat daripada 95,500 isi rumah pada tahun 1976 kepada 123,900 isi rumah pada tahun ini. Di samping itu, bilangan isi rumah rakyat termiskin juga telah meningkat daripada 22,300 isi rumah pada tahun 1984 kepada 25,400 isi rumah pada tahun 1993. Dalam masa yang sama, bilangan rakyat termiskin di luar bandar meningkat daripada 20,800 kepada 25,400 isi rumah. Menurut kajian yang dijalankan oleh Institut Kajian Pembangunan Sabah (IDS) pada tahun 1987, 90% daripada rakyat termiskin di luar bandar adalah terdiri daripada petani padi bukit (hill paddy

farmers). Maka dengan statistik itu terbukti bahawa langkah kerajaan untuk meneruskan langkah-langkah membasmi kemiskinan itu dialu-alukan.

Demikian juga dengan bidang pendidikan, kawasan-kawasan yang masih banyak belum mempunyai kemudahan seperti sekolah, guru dan sebagainya harus diberi keutamaan. Masih banyak kawasan terpencil di negara ini, khususnya di negeri Sabah dan Sarawak yang langsung tidak ada sekolah. Dengan kemajuan teknologi maklumat yang begitu pesat, kita tidak mahu melihat sebahagian besar penduduk luar bandar kita masih belum pun mengenali huruf A, B, C. Dengan itu, saya mintalah pihak kakitangan Kementerian Pendidikan untuk merancang dan melaksanakan sesuatu yang lebih berkesan untuk menangani masalah ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh tentang perkhidmatan kesihatan di luar bandar. Saya tidak berniat untuk menghurai perkara ini dengan panjang lebar, cukuplah kalau saya mencadangkan agar pihak Kementerian Kesihatan dapat meninjau dengan sendirinya masalah kemudahan kesihatan di seluruh negara, khususnya di negeri Sabah dan Sarawak. Kita juga ingin melihat di mana dalam keadaan negara kita berusaha meningkatkan tahap kesihatan rakyatnya, lagi pula sebilangan besar penduduk luar bandar yang terpencil yang belum pun menikmati kemudahan asas perubatan.

Perkara-perkara yang saya ingin sentuh ini ialah apa yang telah disebutkan juga oleh Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz tadi mengenai IT. Sekarang ini di dalam televisyen kita selalu mendengar dan melihat promosi IT tetapi kalau kita

banding promosi ini saya setuju dengan pendapat Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz bahawa promosi ataupun penerangan mengenai IT ini tidak berkesan. Lagunya memang betul bagus didengar, tetapi kalau seorang itu belum pernah mendengar apa itu IT, dia tidak tahu langsung apa tujuannya.

Jadi, saya cadangkan di sini agar penerangan ini berbentuk secara drama sepertimana yang dibuat apabila kita melancarkan Kempen Inflasi Sifar di mana lakonan dibuat. Misalnya kalau IT ini kita lakon di mana seseorang itu datang untuk memohon tanah ataupun memohon kad pengenalan dan bandingkan cara yang lama di mana menggunakan fail dan sebagainya dan juga bandingkan kita menggunakan komputer di mana sekejap sahaja permohonan itu diluluskan. Inilah saya rasa penerangan yang lebih berkesan daripada cara apa yang ada sekarang ini.

Saya ingin juga menyentuh mengenai langkah-langkah kerajaan yang telah dibuat untuk memperkukuhkan ekonomi kita. Sebenarnya kalau kita lihat langkah-langkah kerajaan ini ialah untuk mengurangkan defisit akaun semasa kita dengan cara menggalakkan rakyat dan swasta untuk kurang membeli barangan daripada luar negeri dan juga meningkatkan eksport. Dalam perkara ini kita juga boleh mengeksport perkara-perkara seperti pendidikan. Misalnya sebentar tadi disentuh penggalakan penubuhan institusi pengajian tinggi oleh swasta. Saya sokong cadangan ini kerana apabila kita ada institusi-institusi ini di dalam Malaysia bukan sahaja kita dapat menampung permintaan pelajar-pelajar kita di dalam negara ini tetapi kita juga boleh dapat menarik pelajar-pelajar dari luar

negeri dan ini juga secara tidak langsung kita mengeksport servis kita dan kita mendapat pendapatan daripada luar negeri.

Satu lagi perkara saya ingin sentuh di sini ialah mengenai peranan Bank Negara. Saya rasa Bank Negara harus dapat bertindak cepat dan jelas apabila memberi arahan kepada bank-banknya kerana dalam keadaan ekonomi sekarang ini di mana masalah kita ialah masalah keyakinan. Jadi apabila kita menghadapi masalah keyakinan, sudah tentu langkah-langkah untuk menaikkan keyakinan itu perlu tetapi apa yang berlaku sekarang ini seolah-olah masalah ketidakpercayaan ini bertambah teruk.

Baru-baru ini apabila saya menghadiri mesyuarat management dalam syarikat di mana pengurusnya mengatakan bahawa sekarang jangan lagi kita ambil staf; kalau ada yang tidak berapa bekerja, kita buang kerja kerana bank tidak memberi loan. Oleh kerana bank tidak beri loan, maka permintaan kereta kita akan menurun. Apabila penjualan kereta menurun, maka kita tidak dapat menampung memberi gaji. Jadi, seolah-olah kalaulah perkara-perkara ini berterusan di mana keyakinan seluruh rakyat, bukan pula kita menaikkan keyakinan mereka tetapi kita menambahkan lagi ketidakpercayaan ini, sudah tentu langkah-langkah kerajaan untuk memulihkan ekonomi kita ke tahap yang kita mahu tidak akan berjaya.

Jadi, itulah yang saya ingin ketengahkan. Kalaulah boleh Bank Negara sekiranya ada arahan-arahan sepatutnya cepat jelaskan bukan sahaja kepada bank

tetapi juga kepada rakyat umum dan seterusnya kepada pelabur-pelabur. Jadi, saya tidak ingin mengambil masa yang panjang, cukuplah dengan menyentuh beberapa perkara yang saya telah sentuhkan tadi. Dengan itu saya menyokong Rang Undang-undang Kewangan (No.2) 1997. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Abu Bakar.

6.03 ptg.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin turut menyokong Rang Undang-undang Kewangan (No.2) 1997 yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sebentar tadi.

Tuan Yang di-Pertua, pada umumnya saya berpendapat rang undang-undang ini amatlah sesuai dan kena pada masanya dengan saranan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri semasa membentangkan Rang Undang-undang Perbekalan 1998.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat rang undang-undang ini adalah lebih ke arah memperkemaskan sistem kewangan kita, ke arah memperkemaskan peraturan-peraturan yang membolehkan syarikat-syarikat ataupun orang-orang perseorangan mencari helah untuk mengelak daripada membayar cukai dan ke arah untuk memberi satu jaminan kepada rakyat biasa supaya mereka mendapat manfaat daripada hasil perolehan negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju dengan Ahli-ahli Yang Berhormat sahabat-sahabat saya yang bercakap tadi, terutama Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz dan Yang Berhormat Puan Kamilia. Yang pertamanya, saya ingin menyentuh perkara yang berkaitan dengan pindaan kepada Akta Cukai Pendapatan. Seperti yang kita sedia maklum, rang undang-undang ini adalah melibatkan pindaan Akta Cukai Pendapatan (Bab 2), Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967 (Bab 3), Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976 (Bab 4), Akta Setem 1949 (Bab 5), Akta Cukai Jualan 1972, Akta Kastam 1967 dan Akta Zon Bebas 1990.

Saya ingin menyentuh berkenaan dengan Akta Cukai Pendapatan iaitu berkenaan dengan Fasal 5 yang disebut di situ memberi rebat kepada individu yang membeli komputer untuk kegunaan peribadi. Pada umumnya saya memanglah amat bersetuju kerana sekarang ini kerajaan menggalakkan penggunaan komputer ini dengan zaman era teknologi maklumat ataupun Multimedia Super Corridor. Tetapi apa yang ingin saya sarankan kepada kerajaan supaya kerajaan juga mengecualikan cukai kepada individu ataupun syarikat yang menyumbangkan komputer kepada sekolah, kepada badan-badan awam, kepada badan-badan kebajikan terutama sekali di luar bandar. Kalau untuk peribadi sahaja diberi rebat RM400, tetapi yang paling malang sekali ialah orang-orang miskin di luar bandar. Inilah satu perkara yang kerajaan perlu lihat tidak ada gunanya kita menggalakkan penggunaan komputer di zaman era teknologi

maklumat ini sedangkan kita tidak membuka peluang seluas-luasnya kepada rakyat miskin.

Satu lagi, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga menyebut berkenaan dengan Fasal 9 iaitu meningkatkan sumbangan maksimum yang boleh dipotong kepada skim seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat saudara saya tadi, iaitu daripada 17% kepada 19% dan ini juga terdapat dalam Akta Petroleum. Sudah tentulah kita perlu menggalakkan tabungan dan ini adalah satu cara untuk kita menggalakkan tabungan bagi sektor awam dan juga sektor swasta, tetapi yang sukar kita mengawasi ialah bagaimana kita hendak mengesan semua majikan terutama sekali pihak swasta membayar caruman ini kepada pekerja-pekerja yang berkenaan. Inilah yang jadi masalah. Kita buat peraturan ini, kita buat pindaan ini memang baik, tetapi hendak menentukan ianya dilaksanakan adalah menjadi satu perkara yang agak sukar juga.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh berkenaan dengan sumbangan yang boleh diberikan pengecualian cukai ini iaitu mengenai aktiviti kesenian atau kebudayaan yang diluluskan oleh Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan iaitu amaun yang boleh dipotong adalah terhad kepada RM200,000. Pindaan ini akan dikuatkuasakan dari tahun taksiran 1998.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya ingin ingatkan kepada kerajaan supaya kerajaan tidak hanya setakat memberi pengecualian cukai sahaja, tetapi perlu melihat jenis sumbangan kesenian yang menuju ke arah mana. Ini penting, sebab

kita pentingkan identiti negara kita. Kalau sumbangan itu untuk kesenian dan kebudayaan yang tidak menjurus kepada soal perpaduan dan identiti negara kita, maka sudah tentu pengecualian itu akan menjadi sia-sia dan tidak menjadi manfaat kepada penubuhan satu bangsa Malaysia yang bersatu padu.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh berkenaan dengan bonus di dalam Fasal 10, di bawah cukai pendapatan iaitu kepada pekerja adalah terhad kepada 2/12 daripada upah ataupun gaji yang dibayar kepada pekerja itu dan pemberian bonus ini juga terdapat di dalam Akta Petroleum. Ini adalah amat baik sekali sebab sekarang ini kita dapati pemberian bonus oleh majikan kepada pekerja-pekerja adalah tidak selaras. Bagi syarikat swasta ada yang setengahnya memberi enam bulan bonus, ada yang memberi tiga bulan bonus dan sudah tentu pemberian bonus ini bergantung kepada keuntungan syarikat-syarikat itu dan pihak kerajaan pula kadang-kadang memberi hanya sebulan bonus. Pemberian bonus ini sudah tentu tidak sama sebab ianya bergantung kepada gaji pekerja-pekerja itu. Kalau gaji pekerja itu tinggi dan majikannya berbeza-beza, sudah tentu mereka akan dapat pembayaran bonus yang amat berbeza. Oleh sebab itu, sudah sampai masanya kerajaan perlu selaraskan supaya pemberian bonus ini tidak terlalu ketara perbezaannya dan kerajaan wajar memastikan pihak swasta juga mematuhi peraturan-peraturan ini. Dengan cara ini maka sudah tentulah tidak timbul rasa tidak puas hati di kalangan pekerja-pekerja, baik di dalam sektor awam mahupun sektor swasta.

Cuma yang kita ingin mengingatkan kerajaan bagaimana hendak mengawal pemberian kemudahan-kemudahan lain, terutama sekali bagi sektor swasta. Misalannya kalau beri gaji pekerja di sektor swasta sebulan RM2,000 seorang pekerja yang sama juga akan mendapat kemudahan-kemudahan lain seperti penggunaan telefon, tuntutan perjalanan, keraian dan sebagainya. Dia hanya diberi bonus berdasarkan gaji bulanan, katalah dua bulan gaji. Maknanya, pekerja yang bekerja di sektor swasta masih boleh mendapat dividen ataupun bonus ataupun pendapatan lebih tinggi lagi daripada sektor awam. Faktor-faktor ini mestilah juga diambil kira oleh pihak kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh berkenaan dengan sumbangan oleh kementerian mengenai derma wang tunai, iaitu di bawah Fasal 11 yang mana derma wang tunai ataupun sumbangan manfaat akan ditentukan oleh pihak berkuasa tempatan yang berkenaan yang diberikan oleh individu bagi menyediakan kemudahan di tempat awam untuk manfaat orang tak berupaya. Kita sudah tentulah menggalakkan orang-orang yang ingin memberi sumbangan ataupun derma kepada pihak-pihak yang perlukan derma, tetapi kadang-kadang derma ini tidak disalurkan kepada pihak yang betul-betul memerlukan derma yang boleh memberi manfaat kepada mereka yang memerlukan secara menyeluruh. Ada kumpulan-kumpulan tertentu yang mungkin pihak penderma mempunyai kepentingan dengan pihak yang mentadbirkan atau yang menguruskan badan itu, maka dia beri kepada pihak itu sahaja. Ini adalah satu perbuatan yang boleh

dianggap rasuah dan ada kemungkinan pemberiannya itu pula akan mendapat timbal balas dengan cara memberi projek di mana-mana tempat ataupun memberi bintang dan sebagainya dan kejadian ini memang boleh berlaku. Kita harap kerajaan akan memberi perhatian dalam perkara yang saya sebutkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh di bawah Bab 3 mengenai pindaan kepada Akta Petroleum, iaitu Cukai Pendapatan 1967. Memang seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat saudara saya tadi dan juga Yang Berhormat Puan Kamalia, petroleum ini adalah satu sumbangan, satu pemberian daripada Allah Ta'ala. Yang ini kita boleh kata Allah Ta'ala walaupun kita usaha, kita cari, tetapi kalau di tempat itu tidak ada, kita usaha, cari, belanja pula duit banyak mana pun minyak tak jumpa. Jadi, Allah Ta'ala beri ada minyak dan kita boleh dapat hasil minyak. Kita perlu ingat Petronas ini adalah syarikat yang dipegang oleh kerajaan dan kerajaan ada kepentingan di dalamnya dan kita beri mandat, kita beri tanggungjawab kepada orang yang kita lantik itu bukan hak peribadinya.

Saya minta maaf, Tuan Yang di-Pertua, kerana sebut begitu. Kadang-kadang orang kita di Malaysia ini apabila diberi kesempatan sama ada mereka itu daripada pegawai awam yang telah bersara ataupun orang-orang tertentu bila diberi peluang, misalannya syarikat PLUS, UEM, Tenaga Nasional. Bila mereka ini bersara, sudahlah masa bekerja dapat gaji dan kemudahan banyak, pencen pun masih banyak, selepas itu diberi di tempat yang memang penting dan pendapatan pun lumayan. Ini salah satu daripada punca yang pada pendapat saya boleh

menjejaskan keadaan ekonomi negara kita sebab kita agihkan pendapatan kepada orang yang sudah pun senang, sudah pun ada pencarian dan sudah tentu dia akan memikirkan ke arah untuk dia lebih kaya lagi dan diberi kepada kumpulan yang ada kaitan dengannya. Saya minta maaf kalau perkara ini menyentuh mana-mana pihak, tetapi ini adalah realiti dan kita perlu melihat secara terbuka.

Saya sebutkan tadi Petronas ini adalah satu badan yang boleh mendatangkan hasil yang cukup banyak, yang boleh kita gunakan untuk membantu memulihkan ekonomi negara. Tetapi di dalam bab ini kita dapati sumbangan-sumbangan yang boleh diberi oleh individu yang berkhidmat dengan Petronas ini adalah sangat banyak. Saya kluatir juga jadi macam saya sebut tadi di bawah Akta Cukai Pendapatan, sumbangan-sumbangan ini diberi kepada pihak-pihak tertentu dan manfaatnya tidak menyeluruh. Misalannya kalau kita tengok di dalam Fasal 25, derma, wang tunai atau hadiah peralatan perubatan yang diberikan oleh orang yang boleh dikenakan cukai kepada kemudahan rawatan kesihatan yang telah diluluskan oleh Kementerian Kesihatan yang amaunnya tidak melebihi RM200,000.

Kita baca akhbar baru-baru ini bilangan pesakit buah pinggang yang mati dalam masa sebulan 1,500 orang. Mereka ini malang, terpaksa menemui maut semata-mata kerana tidak berpeluang dapat menggunakan mesin untuk membersihkan darah. Jadi, kalau pihak Petronas diberi pengecualian cukai untuk memberi sumbangan peralatan ini, tetapi tidak dipastikan manfaatnya boleh

digunakan oleh orang yang sepatutnya secara adil, maka tidak ada maknanya. Mereka yang beri sumbangan dapat pengecualian cukai, sebaliknya hanya memberi manfaat kepada segolongan tertentu sahaja.

Oleh sebab itu, kerajaan mesti cari jalan bagaimana cara benar-benar sumbangan ini wajar diagihkan mengikut tempat-tempat yang betul-betul perlu. Bagi kawasan bandar terdapat banyak pusat pakar kesihatan swasta yang mempunyai kemudahan peralatan ini dan masyarakat dalam bandar mempunyai pilihan untuk berbelanja wang sendiri, tetapi bagi kawasan luar bandar, negeri-negeri yang miskin, keadaan berlaku sebaliknya. Oleh sebab itu, kerajaan mestilah memastikan supaya sumbangan-sumbangan yang diberikan ini hendaklah diagihkan mengikut kesesuaian dan keperluan seperti yang saya sebutkan tadi.

Saya juga ingin menyentuh berkenaan dengan pindaan Akta Cukai Jualan. Saya telah mendengar apa yang disebut oleh sahabat-sahabat saya tadi iaitu apa yang kita bimbangkan di dalam akta ini diberi pilihan kepada pengilang ataupun pengusaha yang keluarannya kurang daripada RM100,000 untuk memilih sama ada hendak memohon satu lesen supaya bahan-bahan yang digunakan untuk mengeluarkan sesuatu produk keluaran, selepas itu baru diambil kira dibayar cukai, tidak kena cukai dua kali.

Walaupun kelonggaran ini diberi kepada pengilang-pengilang yang hasil keluarannya lebih daripada RM100,000, kadang-kadang sukar hendak memastikan had pengeluaran oleh pengilang-pengilang ini. Pengilang-pengilang ataupun

pengusaha ini menjual produk mereka kepada pengguna. Jadi mereka bayar cukai kepada kerajaan mungkin tidak sepenuh, selepas itu barang-barang mereka apabila dipasarkan, pengguna yang terpaksa bayar cukai bagi pihak mereka. Inilah perkara yang selalu berlaku. Kita buat, kerajaan dapat hasil, tetapi pengilang lepas cukai. Bila dia jual, dia kenakan balik harga itu kepada pengguna dan pengguna tolong bayar bagi pihak dia.

Inilah yang saya katakan tadi kadang-kadang pengguna terpaksa bayar cukai dua kali sedangkan pengilang dan pengusaha boleh cari jalan macam mana untuk hendak lepas daripada bayar cukai. Jadi aspek ini juga perlu dicari jalan supaya penguatkuasaan terhadap perkara ini boleh dipastikan tidak berlaku penyelewengan.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang berikutnya, tadi Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz sebut, katanya kita perlu menggunakan media yang ada sekarang ini untuk menyampaikan maklumat kepada rakyat sepenuhnya dan dia mengatakan, gunakan TV1, satu channel itu untuk sepenuhnya hendak beri maklumat. Kita kena ingat TV ini semua orang boleh beli, pengguna boleh pilih channel yang mereka suka. Saya bimbang kalau saluran TV1 beri maklumat, siapa yang hendak dengar? Orang yang hendak dengar biasanya ikut selera masing-masing. Kalau buka dok dengar berita, dok dengar laporan itu, bukan semua. Kita perlu sampaikan maklumat ini kepada semua rakyat, oleh sebab itu kerajaan kena kontrol sama ada TV4kah, TV3kah, TV2kah, mesti ada kawalan, kalau tidak, saya

penuh yakin matlamat kita tidak sampai. Bukan caranya hendak beri TV1 itu kerajaan kontrol, hak yang lain-lain tak kawal, tak boleh. Selagi dia terikat dengan undang-undang, kerajaan mesti kawal, kena ada had dia, ini baru boleh berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh berkenaan dengan syarikat-syarikat konsesi yang pegang projek-projek swasta di seluruh negara ini. Semalam kita dengar Menteri Kerja Raya menjawab, cukup senang dia jawab, selepas itu ada pula menteri-menteri lain pun macam itu juga. Saya berpendapat dalam keadaan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad dan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar Ibrahim berbincang dengan pemimpin-pemimpin negara Asia Tenggara, termasuk campur tiga lagi, dengan China, Korea dan Jepun. Kita tengok sekarang ini Dato' Seri Dr. Mahathir tackle di antara ketua-ketua negara yang terlibat dan Dato' Seri Anwar pula tackle masalah dalaman dan dia sentuh sedikit-sedikit juga. Kalau kita perhatikan keadaan yang semacam ini kita tidak bolehlah jawab satu-satu ataupun beri penjelasan satu-satu bersangkutan dengan satu-satu perkara dalam negara yang rakyat sensitif.

Saya yakin rakyat Malaysia ini cukup bagus, cukup sederhana, boleh terima hakikat. Saya percaya rakyat bukan minta supaya dihapuskan tol, rakyat hanya minta jangan naik terlalu tinggi dan terlalu kerap, itu sahaja. Rakyat sanggup bayar. Tidak ada benda dalam dunia ini percuma. Kita hendak bernyawa pun kita kena cari jalan, cari tempat udara bersih kita kena usaha. Jadi tambahlah kalau

buat jalan elok, kita hendak gunakan jalan, kita sanggup bayar, tetapi janganlah kita memikirkan syarikat yang kita beri konsesi itu.

Kita kena ingat syarikat yang menguruskan tol lebuhraya itu mendapat keistimewaan dan kemudahan. Kita tahulah mereka bayar duit buat jalan tetapi mereka ada kemudahan. Kerajaan beri kemudahan kepada mereka, kerajaan beri jaminan untuk mereka pinjam duit buat projek itu dan kerajaan sign kontrak beri sekian masa. Oleh sebab itu, alasan kata hendak tolong tampung, tolong syarikat konsesi ini tidak berapa munasabah. Dia mesti letakkan kepentingan mereka ramai sekurang-kurangnya mengatasi kepentingan orang yang mendapat konsesi projek tersebut.

Saya yakin bagi masalah orang-orang yang diberi hak untuk menguruskan syarikat konsesi ini mereka boleh serapkan segala kos yang meningkat itu dengan banyak cara, satu, kurangkan gaji. Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar Ibrahim sudah sebut dalam pemetongan 18%, 10% semua Menteri, Perdana Menteri dan Ketua Menteri, menyusul 8%, 5%, 3% dan sebagainya, tetapi setakat ini berapa syarikat swasta yang berbuat demikian. Saya tengok cuma Guthrie, saya baca dalam surat khabar adalah satu, itu pun gaji yang RM3,000 ke bawah tidak terlibat, hak yang atas sahaja. Macam saya kata tadilah, kalau swasta gaji RM3,000 ke atas, katalah RM5,000, dia potong 3%, tetapi kemudahan lain dipotong daripada gaji, daripada elaun-elaun lain tidak terlibat.

Pegawai kerajaan dalam Kumpulan A, Kumpulan B ini, berapa sahaja, apa kemudahan yang mereka dapat? Namun demikian, mereka tidak membantah untuk potongan gaji, tetapi kerajaan perlu cari jalan supaya tidak menambah beban kepada mereka. Macam tol tadi, harga barang naik, selepas itu tarif air dan elektrik. Kalau keadaan ini tidak dikawal, ia akan menambahkan lagi beban dan ada pihak yang boleh menikmati kemudahan yang lebih daripada orang lain. Jadi di dalam sektor kerajaan ini kita terpaksa buat kerja mentadbir negeri, mentadbir jabatan bagi menjalankan kerja untuk kemudahan semua pihak sedangkan ada pihak lain yang mereka boleh nikmati segala kemudahan dan dapat ganjaran yang lebih banyak daripada orang lain.

Oleh sebab itu, kita harap pihak kerajaan supaya dalam masalah pengurusan yang diberi kepada penswastaaan, syarikat-syarikat konsesi ini hendaklah lebih sensitif daripada agensi kerajaan yang ada sekarang ini. Misalannya sekarang ini kerajaan mesti mendapat maklum balas, katalah dalam tempoh dua bulan ataupun tiga bulan, mereka memberi maklumat berkenaan dengan pengurangan perbelanjaan daripada syarikat PLUS, pengurangan perbelanjaan dalam Tenaga Nasional dan kita boleh kurangkan begitu banyak. Kalau boleh, saya penuh yakin pakar ekonomi daripada luar negara mengatakan kedudukan ekonomi Malaysia ini masih mantap. Insya-Allah, saya yakin dalam masa yang singkat kita boleh pulihkan ekonomi kita. Kalau kita tengok di dalam *The World in 1998*, dalam majalah *The Economist*, di dalam ini Editornya ada mengatakan, dengan izin:

“1998 will be a year of prosperity. It will see the fastest rate of economic growth in a decade despite shudders in the global stock market. Although the year will end with an extra 80 million people, the world will by then have created wealth equivalent to three new Canadas. There will therefore be more for all. Since the best of the growth will be in Latin America, India and China, it is the world’s poor who will benefit most and since every countries unofficial black economy will do better than its government statistic will show, personal prosperity will flourish.”

Tuan Yang di-Pertua, dalam ini ada banyak lagi maklumat yang diberi berkenaan dengan negara-negara di Asia Tenggara dan Yang Berhormat Dato' Ghazi tentu sudah membaca buku ini dan beliau menyebut apa yang Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir kata, iaitu yang kita paling dukacita sekali, kalau benda yang sudah sempurna, sudah elok, tetapi kita gagal melaksanakan, ini yang akan menyebabkan keadaan menjadi lebih teruk lagi. Kalau kita perhatikan masalah krisis ekonomi, krisis kewangan ini, bukan sahaja kena kepada negeri kita, tetapi semua di Asia Tenggara. Yang peliknya pasal apa dia jejaskan negara-negara di Asia Tenggara. Sebab itulah saya percaya penuh dia ada mesej tertentu daripada Amerika terutamanya, biar saya kata terus-terang, dan negara-negara yang tertentu melihat Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir ini sebagai

pemimpin di Asia Tenggara ini yang boleh mungkin menjejaskan keadaan ekonomi mereka dalam jangka panjang.

Oleh sebab itu, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong penuh Rang Undang-undang Kewangan (No.2) 1997 ini. Saya berharap pihak kerajaan akan memberi perhatian yang serius dan saya ingin mengucapkan tahniah kepada Kementerian Kewangan sebab dalam soalan yang saya kemukakan, iaitu: 'minta Menteri Kewangan menyatakan apakah mekanisme yang digunakan bagi mengesan pembaziran oleh agensi kerajaan atau swasta di peringkat kerajaan negeri dan juga pusat', pihak menteri ada memberi jawapan, dari (1) sampai (7) di sini.

Yang pertama, katanya unit Audit Dalam di semua kementerian, jabatan dan badan-badan berkanun Persekutuan yang bertanggungjawab membantu pihak pengurusan dalam mengenal pasti kelemahan dalam pengurusan kewangan dan operasi kawalan. Macam Yang Berhormat Dato' Ghazi katalah, benda ini elok, tetapi yang paling dukacita lagi, yang elok dan sempurna itu kalau tidak boleh dilaksanakan. Ini kementerian kena ingat.

Yang kedua, Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun telah ditubuhkan di setiap kementerian, jabatan dan badan-badan berkanun untuk membantu pegawai-pegawai, ketua jabatan mengawasi, mengesan dan menyelia semua urusan kewangan dan akaun. Bagus, sempurna dan elok.

Yang ketiga, Jabatan Audit Negara pula bertanggungjawab mengawasi kementerian dan agensi kerajaan di peringkat Persekutuan dan negeri dengan mengaudit dan melaporkan semua isu berkaitan dengan kelemahan pengurusan kewangan dan akaun awam, termasuk juga isu pembaziran.

Yang keempat, Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara juga memainkan peranan untuk menyiasat secara terperinci isu-isu yang dibangkitkan oleh Ketua Audit Negara termasuk isu pembaziran yang dikenal pasti dan membuat laporan dan perakuan kepada Parlimen hasil pemeriksaan yang telah dijalankan.

Yang kelima, Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Keutuhan Pengurusan Kerajaan yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan bertanggungjawab untuk memastikan pentadbiran kerajaan dan perkhidmatan awam yang cekap, berdisiplin serta mempunyai aspek integriti dengan mempertingkatkan amalan nilai-nilai murni ke arah pencegahan unsur-unsur penyalahgunaan kuasa, penyelewengan dan gejala rasuah.

Yang keenam, Majlis Kewangan Negara bertanggungjawab memastikan pengurusan kewangan di negeri-negeri mengikut peraturan.

Yang ketujuh, akhir sekali, Perbendaharaan mengeluarkan pekeliling dari masa ke semasa bagi tujuan memberi garis panduan untuk mengelakkan pembaziran dan meningkatkan pengurusan kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya berharap biarlah pentadbiran kita ini telus (transparent). Kita tidak usahlah cakap berkali-kali telus, transparent, tetapi

ada yang tak telus, ada yang tak transparent. Ada yang boleh telus, ada yang boleh transparent. Oleh sebab itu, sebagai akhirnya, saya menyokong penuh Rang Undang-undang Kewangan (No.2) 1997. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masa sudah cukup, maka saya menangguhkan Majlis ini kepada besok hari, jam 2.30 petang.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.